

Jilid II
Bil. 40



Hari Jumaat
26hb Oktober, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5797]

USUL-USUL:

Memilih Timbalan Yang di-Pertua—

Y.B. Dr Abdul Hamid bin Pawanteh [Ruangan 5831]

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 5834]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 5834]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 26hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CUKAI JALAN—
MENURUNKAN KADAR

1. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menurunkan kadar cukai jalan ke atas kenderaan memandangkan Kerajaan ini mempunyai sumber tambahan iaitu pungutan tol di lebuh raya untuk menampung perbelanjaan membina, memperbaiki dan menyelenggarakan jalanraya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi bercadang untuk menurunkan cukai jalan ke atas kenderaan-kenderaan bermotor semata-mata atas alasan adanya sumber hasil daripada kutipan tol. Ini adalah memandangkan bahawa cukai jalan adalah merupakan satu daripada sumber hasil Kerajaan yang terpenting. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji kadar-kadar ini dan perubahan sentiasa dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada kebiasaannya hasil kutipan tahunan cukai jalan yang dikutip oleh JPJ ini dimasukkan ke dalam Tabung Kumpulanwang yang disatukan. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada Yang Berhormat mempunyai sebarang rancangan agar hasil kutipan ini tidak dimasukkan ke dalam Tabung yang berkenaan, tetapi digunakan khas bagi membiayai perbelanjaan untuk memperbaiki, menyelenggara dan juga membina jalan-jalan baru, terutama sekali jalan-jalan di luar bandar dan jika sekiranya Yang Berhormat tidak mempunyai sebarang perancangan sedemikian, adakah beliau bercadang untuk mengkaji akan kemungkinan perkara ini boleh dilaksanakan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sekali imbas cadangan ini memang baiklah kerana dari segi logiknya, kalau wang itu datang dari sumber jalan, maka kepada jalanlah kebaikannya akan diberikan kembali. Tetapi kalau kita terpaksa berbuat demikian, ertinya kalau hasil itu daripada jalan, jalan yang kita baiki, agak sukar kita hendak mengendalikan tentera sebab tentera tidak mendatangkan hasil, sukar kita hendak mengendalikan Polis, Polis juga tidak mendatangkan hasil. Maka itulah dari praktiknya segala pendapatan Kerajaan hendaklah dimasukkan dalam akaun yang disatukan dan dari akaun itu akan dibahagi-bahagikan kepada Kementerian-kementerian dan

Jabatan-jabatan. Walau bagaimanapun, sewaktu memperuntukkan wang yang telah disatukan kepada Jabatan-jabatan tertentu, terutama sekali bagi pembangunan luar bandar, kita akan pastikanlah supaya peruntukan yang saksama diberi kepada kegunaan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan bahawa kutipan cukai jalan ini ialah merupakan satu sumber hasil yang terpenting. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan kepada Dewan ini mengapakah berlaku kekurangan yang besar di dalam kutipan cukai jalan bagi tahun 1984, iaitu menunjukkan kekurangan sebanyak \$201 juta di dalam anggaran yang diberikan adalah \$805 juta, perolehan ialah \$604 juta dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memperbaiki pungutan cukai jalan ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan Kerajaan dari satu-satu sumber dibuat anggarannya setahun sekali. Sebelum tahun berkenaan seperti kita sekarang ini membincangkan anggaran bagi tahun 1985 yang kita buat dalam tahun 1984, maka itu tidak mustahillah terdapat kekurangan ataupun kelebihan daripada anggaran berbanding dengan pendapatan yang sebenar.

Berkaitan dengan anggaran dari kutipan cukai jalan ini memang kita akui terdapat perbezaan yang agak besar, barangkali sewaktu mencadangkan ataupun menganggarkan jumlah yang akan dikutip, kita telah mengambil kira cukai yang telah kita naikkan melalui kenderaan-kenderaan yang menggunakan diesel, terutama yang didaftarkan di bawah syarikat. Oleh sebab terdapatnya perbezaan cukai

jalan yang besar bagi kenderaan-kenderaan yang menggunakan diesel dan kenderaan-kenderaan yang didaftar di atas nama syarikat, maka agaknya banyak ataupun sebahagian besar daripada kenderaan-kenderaan yang dipunyai oleh syarikat ditukarkan kepada kepunyaan individu. Begitu juga, kita menganggarkan bahawa terdapatnya kekurangan pembelian kenderaan-kenderaan baru yang menggunakan enjin diesel, maka itulah terdapat kekurangan dari segi kutipan dari cukai jalan.

Berkenaan dengan kemungkinan menukar cara mengutip cukai jalan, sukar bagi saya untuk memaklumkan di sini tetapi seperti yang saya telah nyatakan tadi apabila kita dapati ada cara-cara dan kadar-kadar yang baik maka kita akan pastikan kita akan menggunakan cara dan kadar yang terbaik bagi memuaskan hati tiap-tiap orang, kalau boleh.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Timbalan Menteri Kewangan tadi masih di dalam kajian Kementerian Kewangan berkenaan dengan cukai jalan. Berkenaan dengan rungutan orang ramai bahawa cukai jalan ini dikutip pada tiap-tiap pembawa motor tetapi jalan masih lekak lekak dan merosakkan kereta motor. Adakah kordinasi di antara Kementerian Kewangan dengan Jabatan Kerja Raya bagi kesenangan kepada pengguna-pengguna kereta motor di atas jalan supaya kereta mereka kurang rosak, mereka membayar road tax ini dengan senang hati.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan Kementerian Kewangan memanglah ada kordinasi tetapi dari segi pandangan dan pendapat Yang Berhormat Dato' Samy Vellu, saya tidak tahulah (*Ketawa*). Memanglah tujuan kita kalau boleh hendak

memberi jalan yang baik tetapi maklum sahajalah wang itu terhad, jadi ada kalanya sebahagian daripada permohonan dan permintaan Kementerian-kementerian tidak dapat kita penuhi secukup-cukupnya. Maka itulah kadangkala kita terpaksa menanggungkan dahulu sebahagian daripada keperluan-keperluan Kementerian-kementerian berkenaan termasuk Kementerian Kerja Raya walaupun kita sedar memang ada tempat-tempat di mana terdapat jalan raya yang tidak begitu baik dan perlu ataupun boleh diperbaiki lagi.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—RASUAH

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang dicapai oleh Badan Pencegah Rasuah untuk membersihkan Jabatan Pengangkutan Jalan yang telah pun di "highlighted" oleh Presiden Persatuan Tuanpunya-tuanpunya Lori se Malaysia, Zainab Ahmad Yang, dalam bulan Ogos dan September, 1984.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 8-10-1984, saya telah menyentuh akan jawapan ini, sehingga setakat ini tidak ada perkembangan baru dan saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa tidak seorang di mana tindakan akan diambil terhadapnya mengenai komplenn-komplenn bahawa ada korupsi dalam Jabatan Pengangkutan Jalan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya terdahulu saya telah katakan bahawa oleh kerana adanya laporan walaupun ia secara umum siasatan

sedang juga dilakukan dan oleh kerana tidak dapat bukti-bukti yang nyata seperti yang dijawab dahulu maka siasatan itu diteruskan.

LEBUHRAYA IPOH- CHANGKAT JERING

3. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Lebuhraya Ipoh-Changkat Jering yang sedang dalam pembinaan akan mendatangkan masalah kepada penduduk-penduduk Mukim Bukit Gantang dalam Daerah Larut dan Matang, khasnya penduduk-penduduk Kampung Pauh, kerana Lebuhraya yang sedang dalam pembinaan itu memisahkan tempat tinggal mereka dengan dusun-dusun, kebun dan sawah yang merupakan punca tempat mereka mencari rezeki. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membina "Terowong Khas" bagi kemudahan mereka. Jika ya, berapakah "Terowong-terowong Khas" yang akan dibina di Kampung Pauh, Mukim Bukit Gantang.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar masalah-masalah penduduk-penduduk yang dibangkitkan di Mukim Bukit Gantang dalam Daerah Larut dan Matang khasnya di kawasan Kampung Pauh akibat daripada pembinaan Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering yang sekarang dalam pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan di mana lebuhraya yang dibina memisahkan tempat tinggal penduduk-penduduk di kampung tersebut dengan kawasan-kawasan dusun mereka, jalan-jalan bawah tanah disediakan serentak dengan pembinaan lebuhraya itu untuk kemudahan penduduk-penduduk yang terlibat berulang alik daripada tempat tinggal dengan dusun-dusun mereka.

Sepanjang Lebuhraya Changkat Jering—Ipoh pihak Lembaga Lebuhraya telah menetapkan untuk membina 13 buah jalan bawah tanah dan di dalam Mukim Bukit Gantang sahaja di mana lebuhraya sepanjang 10.2 kilometer ini terdapat 6 buah jalan bawah tanah, 2 buah telah pun siap dibina dan 4 buah lagi sedang dibina yang mana 3 buah darinya adalah terletak di Kampung Pauh. Di antara 3 buah jalan bawah tanah yang sedang dibina di Kampung Pauh itu 2 darinya adalah berukuran ataupun saiz 2.13×2.13 meter untuk kegunaan penduduk-penduduk berjalan kaki dan basikal dan satu lagi saiz 3.05×3.05 meter ialah untuk kegunaan kenderaan kecil seperti motokar, kereta Yang Berhormat pun boleh lalu di kawasan itu.

Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering termasuk 4 buah jalan bawah tanah yang sedang dibina itu diharap akan siap keseluruhannya pada bulan Mei, 1985.

CERAMAH—PENGHARAMAN

4. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak selama ini sudah bertahun-tahun yang Rapat-rapat Umum telah diharamkan, maka baru-baru ini di-isytiharkan pula pengharaman ceramah-ceramah secara rapat umum, maka apakah bezanya antara pengharaman-pengharaman yang ada sejak selama ini dengan pengharaman-pengharaman yang dibuat baru-baru ini;
- (b) apakah garis panduan untuk umum supaya mereka mendapat pegangan yang jelas manakah yang dinamakan rapat

umum dan yang manakah yang bukan dinamakan rapat umum; dan

- (c) adakah memberi erti jika penceramah dan pendengar berhimpun di tempat-tempat lapang tidak bertutup maka itulah yang dinamakan Rapat Umum yang dimaksudkan, tapi bagaimana pula jika si penceramah sendiri sahaja yang berada dalam bilik tertutup sedangkan pendengar-pendengarnya beramai-ramai berhimpun dari jauh maka adakah itu bukan dinamakan rapat umum. Bagaimanakah huraian dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan mengharamkan ceramah-ceramah politik baru-baru ini dibuat atas pertimbangan ketenteraman awam dan keselamatan negara yang akan tergugat akibat dari perbuatan individu-individu tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk tujuan kepentingan diri atau kumpulan mereka.

Sukalah saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa rapat umum dimaksudkan sebagai satu perhimpunan yang diadakan di tempat-tempat terbuka atau tempat awam di mana kehadirannya tidak terhad kepada ahli-ahli sesebuah pertubuhan atau parti politik malah terbuka kepada umum. Tafsiran rapat umum itu bukanlah hanya bermaksud bahawa penceramah atau pendengar semestinya berada di tempat-tempat terbuka. Jika seseorang penceramah berada di dalam bangunan yang tertutup manakala pendengarnya berhimpun di tempat terbuka atau tempat awam untuk mendengar ceramah tersebut maka ia juga dianggap sebagai rapat umum.

Sejak tercetusnya kejadian 13hb Mei, 1969 pihak Polis sentiasa berhati-hati dalam memberi kelulusan untuk mana-mana pihak mengadakan sebarang perhimpunan, perjumpaan dan Perarakan. Tindakan ini disebabkan kemungkinan kejadian yang tidak diinginkan berlaku dan ini akan menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Tindakan yang diambil adalah berpandukan kepada peruntukan undang-undang khasnya peruntukan undang-undang seperti berikut:

- (1) Seksyen 27 Akta Polis, 1967.
- (2) Internal Security (Restrictions on Processions and Meetings in a Security Area) Regulations, 1966.
- (3) Akta Hasutan, 1948.
- (4) Akta Pertubuhan, 1966.

Sebarang rapat umum yang akan menimbulkan gangguan terhadap ketenteraman awam dan keselamatan memanglah diharamkan. Bagaimanapun, pihak Kerajaan telah memberi kebenaran kepada pihak-pihak parti politik mengadakan ceramah-ceramah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu iaitu seperti berikut:

- (1) Ceramah berkenaan hendaklah diadakan di tempat yang tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli-ahli parti sahaja.
- (2) Ceramah tersebut tidak boleh menggunakan pembesar suara yang dihalakan keluar daripada bangunan tempat penceramah itu.
- (3) Ceramah tersebut tidaklah boleh membahaskan unsur-unsur yang boleh menimbulkan perasaan permusuhan, benci-membenci antara masyarakat.
- (4) ceramah tersebut tidaklah boleh mengandungi ucapan-ucapan yang mempunyai unsur-unsur

yang boleh disifatkan sebagai menghasut di bawah Akta Hasutan, 1948.

Sepertimana sedia maklum, pada 6-8-1984 dan 10-8-1984 Kerajaan telah mengeluarkan arahan supaya pihak Polis boleh mengharamkan ceramah-ceramah yang bercorak politik di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Pengharaman ceramah-ceramah tersebut adalah diarahkan memandangkan ianya boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Bagaimanapun, baru-baru ini Kerajaan telah membenarkan semula pihak parti politik untuk mengadakan ceramah-ceramah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa ceramah-ceramah yang dibenarkan adalah masih tertakluk kepada syarat-syarat yang saya sebut di awal tadi. Oleh itu, penggunaan pembesar suara yang dihalakan keluar bangunan supaya didengar oleh orang ramai tidaklah dibenarkan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan kepada ceramah-ceramah yang diadakan sekarang ini merupakan seolah-olah rapat umum kerana barangkali dengan budi pekerti Polis membenarkan ceramah-ceramah demikian diadakan di mana syarat-syarat seperti yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri tadi adalah dilanggar di mana pembesar suaranya, walau macam manapun, kalau tidak dihalakan keluar, ia tetap sebagai pembesar suara. Jadi, dengan sebab itu adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik pengharaman terhadap rapat-rapat umum supaya demokrasi negara ini tidak dicemari, wal hal sebenarnya rapat umum itu seolah-olah telah

diadakan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik pengharaman rapat-rapat umum itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan menyedari dan ada bukti-bukti bahawa sebahagian ceramah yang diadakan di seluruh negara sekarang ini diadakan ala-rapat umum dan tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang akan diambil kepada mereka yang telah pun menganjurkan ceramah-ceramah tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan buat sekarang ini berpendapat bahawa tindakan untuk mengharamkan ceramah-ceramah itu tidak perlu diambil.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar ada banyak kes-kes dalam mana Ketua-ketua Polis Daerah ada salahguna kuasa yang ada diberi oleh beliau di bawah Akta Polis, seksyen 27.

Saya beri satu contoh, Tuan Speaker. Baru-baru ini di Malim Nawar dalam satu Jamuan Makan Malam DAP, ada syarat-syarat termasuk syarat-syarat seperti ini: "Tidak lebih 7 orang boleh berucap dan ucapan-ucapan beliau tidak boleh menyentuh perkara politik". Adakah ini patut ikut undang-undang?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum, pihak Ketua Polis Daerah mempunyai kuasa untuk menentukan syarat-syarat yang harus diikuti oleh mereka yang diberi kebenaran untuk mengadakan perjumpaan, ceramah ataupun baik makan malam. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi, memanglah 7 orang dibenar bercakap dalam perjumpaan tersebut, dan pada

pandangan saya itu adalah mencukupi dan syarat-syarat yang tertentu adalah syarat-syarat yang amat menasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman tidak hadir).

JEMAAH HAJI TERKANDAS DI MEKAH

6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan yang sebenar jemaah-jemaah hari dari negara ini yang terkandas di Mekah dalam musim haji yang lepas ini, yang tidak mahu mengikut perkhidmatan LUTH dan bolehkah dinyatakan bilangan mereka mengikut negeri-negeri; dan
- (b) apakah tindakan yang harus diambil oleh Kerajaan supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi, oleh kerana perbuatan golongan tersebut memalukan negara dan Agama Islam di mana penganut-penganutnya tidak bersatupadu.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah jemaah haji persendirian yang telah pergi ke Tanah Suci tidak melalui Tabung Haji yang telah terkandas di Mekah itu adalah seramai 354 orang dan mereka itu adalah daripada Negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Kelantan. Bilangan bagi tiap-tiap negeri itu adalah tidak diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana termaklum adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya semua jemaah haji Malaysia pergi menunaikan fardhu haji melalui Tabung Haji supaya dapat dijamin kebajikan, kesihatan serta

perlindungan dan pengawalan mereka. Dalam hubungan ini, mengikut Undang-undang Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973, seksyen 67A: "Tidak seseorang atau sesuatu kumpulan boleh, tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Tabung Haji menguruskan perjalanan jemaah haji ke Jeddah atau ke Mekah bagi maksud menunaikan fardhu haji dan sesiapa yang melanggar perbekalan undang-undang itu boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda kira-kira \$10,000 atau di penjara tidak lebih daripada 10 tahun atau kedua-duanya sekali". Dengan itu, sekiranya ada pihak-pihak yang menganjurkan pemergian jemaah haji tanpa melalui Tabung Haji, maka tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab bahawa mereka yang menganjurkan jemaah-jemaah haji tanpa melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan diambil tindakan. Adakah Yang Berhormat sedar dalam musim haji baru-baru ini ada jemaah-jemaah haji ataupun orang-orang yang menganjurkan pemergian jemaah-jemaah haji ke Mekah menerusi Singapura. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada pihak-pihak yang berpengaruh di Arab Saudi telah memberikan kerjasama kepada pihak penganjur di negara kita untuk membawa jemaah-jemaah haji ini melalui Singapura. Kalau sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya pihak-pihak yang berpengaruh di Arab Saudi tidak akan memberi kerjasama kepada mana-mana pihak yang menganjurkan jemaah-jemaah haji ke Tanah Suci supaya peraturan dan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan kita dapat dipraktikkan dengan sempurna.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar bahawa terdapat satu kumpulan yang telah diberikan visa haji melalui Kedutaan Saudi di Singapura dan kita sebenarnya mengenal anggota kumpulan ini. Bagi mengatasi perkara-perkara ini berlaku, pihak Kerajaan melalui saluran diplomatik telah pun menghantar satu nota kepada pihak Kerajaan Saudi Arabia supaya pada tahun-tahun yang hadapan ini pihaknya dapat memberi kerjasama kepada Kerajaan Malaysia dengan tidak memberi dan membenarkan ataupun meluluskan visa haji kepada mereka yang tidak mengikut saluran Tabung Haji dan yang dimaksudkan ini ialah saluran-saluran Kedutaan-kedutaan Saudi di Kuala Lumpur, Singapura dan negara-negara jiran.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah beliau sedar bahawa ada golongan jemaah haji yang cuba berpolitik di Arafah dengan mengangkat bendera partinya di Padang Arafah itu.

Yang kedua, apakah pihak Yang Berhormat Menteri juga sedar bahawa visa haji bukan sahaja didapati daripada pihak Singapura, tetapi juga menerusi Bangkok.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan menerima laporan bahawa ada pihak-pihak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat telah, saya kurang pasti sama ada hendak berpolitik di Tanah Suci, tetapi setakat mengibarkan benderanya ada, tetapi sama ada ini tanda berpolitik atau tidak, tak dapat saya jawab, tetapi fasal bendera itu, betul, Yang Berhormat.

Saya juga sedar bahawa visa haji boleh diberikan melalui Kedutaan Saudi di Bangkok dan apa yang saya jawab dalam soalan awal tadi kerjasama pihak Kerajaan Saudi juga diminta supaya perkara ini tidak berlaku, khususnya bagi jemaah haji daripada Malaysia.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Adakah pihak yang berkenaan sedar bahawa pemergian jemaah-jemaah haji melalui swasta ini telah begitu lama bertahun-tahun lepas, memandangkan jaminan kebajikan oleh Tabung Haji terhadap mereka tidak begitu memuaskan sebagaimana kepuasan mereka yang mereka dapat daripada kumpulan-kumpulan yang kecil-kecil ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar terdapat pihak-pihak tertentu yang ingin menunaikan fardu haji melalui urusan sendiri bahkan saya ingin menyatakan pada tahun lalu seramai 1,270 orang ataupun 5% daripada jumlah keseluruhannya berbuat demikian dan mereka ini bukan semua menghadapi masalah terkandas seperti yang saya sebutkan tadi dan di dalam Akta pun ada mengatakan sekiranya terdapat kes-kes tertentu dengan sebab-sebab yang sesuai, Menteri yang menjaga pihak Tabung Haji boleh memberi kebenaran untuk mereka berbuat demikian. Dan dari segi jaminan layanan, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, mungkin mereka ini memandang tidak sesuai pergi melalui Tabung Haji, ini merupakan takrif. Apa yang kita dapat kajikan dari masalah keseluruhan yang menimpa jemaah haji kita di sana, kita dapat memastikan bahawa urusan melalui Tabung Haji ini ialah yang paling selesa dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir).

TV MALAYSIA—FILEM DARI NEGARA TIMUR/ASEAN

8. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan, sekarang sebahagian besar filem-filem asing yang disiarkan oleh TV Malaysia adalah dari Barat, adakah Kementerian bercadang untuk membawa masuk lebih banyak filem-filem dari negeri Timur dan negara ASEAN untuk siaran TV Malaysia.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah lama dan masih membawa masuk dan menayangkan filem-filem dari negara-negara Timur terutama dari Indonesia, Timur Tengah, India, Jepun dan lain-lain. Usaha ini akan ditingkatkan dan penayangan filem-filem dari Amerika, Britain dan Eropah juga akan digunakan atas keperluan dari masa ke semasa dalam konteks mempelbagaikan pengetahuan dan hiburan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kalau dapat diberikan peratusan mengenai filem-filem Barat yang disiarkan melalui TV Malaysia dan berapa peratus pula filem-filem daripada negara-negara yang lain disiarkan?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang boleh saya terangkan di peringkat ini ialah dari segi penayangan filem-filem Melayu iaitu bagi tahun 1983 sahaja 33 buah, tidak termasuk Rencana, Pendidikan atau menerusi ETV atau TV Pendidikan.

Di samping itu filem-filem Indonesia juga telah dibawa masuk dan main feature ataupun bahan-bahan utama berjumlah 19, tidak termasuk pendidikan, rencana dan juga program pertukaran antara negara-negara.

Bilangan filem-filem Inggeris yang tidak dikategorikan sebagai Barat tetapi termasuk kepada bidang Eropah, Jerman, filem-filem Rencana dan sebagainya adalah kira-kira 182 dari segi main feature, dengan izin.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi bahawa pertukaran filem antara negara-negara ada dibuat tetapi pertukaran filem-filem drama antara Malaysia dan Indonesia masih belum dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat negara ini. Ini lebih penting lagi kerana sesuai dengan kebudayaan, tradisi dan sebagainya.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya mengakui kebenaran dan ketepatan pendapat Ahli Yang Berhormat, maka di peringkat ini kita hanya mendapat peluang untuk menayangkan filem-filem dari Indonesia dan menurut persefahaman yang telah dicapai tidak berapa lama dahulu kemungkinan bagi kita untuk mendapat bahan-bahan lain termasuk drama juga sedang disusun.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, usaha-usaha sekutu kita antara Indonesia dengan Malaysia sedang disusul akibat daripada beberapa penyusunan semula rancangan kepentingan bersama.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya Yang Berhormat Menteri mengenai tayangan filem Inggeris. Didapati bahawa sebahagian besar tayangan filem Inggeris ini masih lagi dalam bahasa asalnya. Jadi, saya ingin tahu

daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bercadang untuk mengalihbahasakan kesemua filem-filem Inggeris ini supaya ianya dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk negara kita.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, proses dan usaha mengalihbahasakan sesuatu filem terutama satu-satu filem Cereka sangatlah rumit dan memerlukan berbagai-bagai peralatan serta kemudahan moden. Walau bagaimanapun negara ini adalah dianggap sebagai salah satu daripada negara-negara yang mengamalkan dasar terbuka dalam banyak hal berbanding dengan beberapa buah negara di Timur. Di peringkat ini kemudahan yang ada pada kita ialah untuk mengalihbahasa filem-filem Rencana. Oleh itu, bidang ini akan ditubuhkan oleh Kerajaan.

Di samping itu beberapa filem Cereka akan dicuba untuk dialihsuara tetapi bagi semua filem untuk dialihsuara bukanlah sesuatu yang mungkin dilakukan oleh Kerajaan.

RANCANGAN FELDA/ FELCRA—TARAF HIDUP PESERTA

9. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) taraf hidup yang menyertai rancangan-rancangan seperti FELDA dan FELCRA di Semenanjung Malaysia semenjak Skim ini ditubuhkan; dan

(b) adakah Kementerian mempunyai rancangan-rancangan untuk memperluaskan skim-skim ini ke Sarawak dan jika ia sejauh manakah Perbincangan dan sambutan Kerajaan Negeri Sarawak setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, taraf hidup rakyat yang menyertai rancangan FELDA dan FELCRA di Semenanjung Malaysia semenjak skim ini ditubuhkan didapati bertambah baik terutama bagi mereka yang berada di rancangan-rancangan yang telah mengeluarkan hasil. Ini dapat dilihat dari segi purata pendapatan bersih bulanan di rancangan-rancangan itu. Seperti di rancangan FELDA dalam tahun 1983 pendapatan bersih bulanan peneroka untuk kelapa sawit purata ialah \$766. Pendapatan ini meningkat kepada purata \$1,069 sebulan dalam tahun 1984 ini.

Bagi getah pendapatan bersih purata bulanan ialah \$485 dalam tahun 1983 dan terus meningkat ke paras \$500 sebulan dalam tahun 1984 ini.

Bagi rancangan FELCRA pula, disebabkan pokok kelapa sawit baru sedang mengeluarkan hasil, jelas diperhatikan pendapatan purata bersih bulanan peneroka sudah meningkat ke paras lebih kurang \$335 dan jumlah ini akan meningkat naik memandangkan kepada keupayaan pengeluaran minyak kelapa sawit dan keadaan pasaran yang menggalakkan sekarang ini.

Jawapan bagian soalan (b), Kementerian sememangnya mempunyai rancangan untuk memperluaskan skim-skim ini ke Sarawak. Perbincangan di peringkat awal telah pun diadakan dengan pihak Lembaga Simpanan dan Kemajuan Sarawak (Land Custody and Development Authority (LCDA)). Pihak LCDA telah pun menawarkan satu kawasan milik Kerajaan Negeri seluas 5,130 ekar di Sampadi dalam bahagian Pertama, Sarawak untuk dimajukan oleh FELDA.

Kemungkinan untuk memajukan kawasan lain di negeri Sarawak masih lagi di peringkat rundingan awal lagi.

Bagi FELCRA pula, ianya telah pun memulakan dan sedang giat melaksanakan program-program pembangunan tanah di beberapa kawasan tertentu di Sarawak. Pelaksanaan skim atau rancangan tanah di negeri Sarawak seperti yang saya sebutkan itu adalah hasil dari persetujuan dan sambutan baik oleh pihak berkuasa di negeri Sarawak.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berminat untuk mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai pendapatan-pendapatan peserta FELDA iaitu perbandingan di antara peserta kelapa sawit dan getah dan juga mengikut duti eksport negara, getah telah turun begitu hebat dan kenaikan duti eksport kepada kelapa sawit naik begitu baik. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan rancangan-rancangan FELDA getah sekarang ini dengan kelapa sawit ataupun projek-projek baru FELDA hanya ditumpukan kelapa sawit semata-mata?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini rancangan-rancangan di dalam FELDA dibahagikan kepada beberapa jenis tanaman di antara lainnya ialah kelapa sawit, getah, tebu, koko dan sebagainya. Kerajaan melihat bahawa apa yang kita dapat kesan hari ini melalui kelapa sawit adalah lebih memberi hasil kalau dibandingkan dengan tanaman-tanaman yang lain.

Soal kemungkinan untuk hendak menukarkan tanaman getah kepada kelapa sawit, ini bergantung kepada keadaan tempat yang berkenaan dan bergantung juga kepada kesesuaian tanah di tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 10 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

**LAWATAN PERDANA
MENTERI BRITAIN
KE MALAYSIA**

11. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah risik-riasek diperolehi, apakah sebab-sebab yang sebenar maka Perdana Menteri British membatalkan lawatannya ke Malaysia.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini. Dalam satu perutusan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher telah dimaklumkan bahawa beliau terpaksa menangguhkan lawatannya ke Malaysia pada bulan September yang lepas atas sebab keadaan ketegangan yang terdapat di Britain, akibat pemogokan pelombong-pelombong arang batu dan pekerja-pekerja pelabuhan yang berpanjangan yang telah merebak ke seluruh negara itu.

Pihak British menganggap bahawa masalah ini mengancam kesetabilan Kerajaan mereka dan tidak mengizinkan Puan Thatcher berlepas keluar negeri seperti yang dijadualkan.

Puan Thatcher telah menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau merasa kesal kerana tidak dapat menunaikan lawatannya pada kali ini dan berharap boleh melakukannya lawatan tersebut pada satu masa yang akan datang yang bersesuaian.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bagi kepentingan negara kita bolehkah

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pergi melawat ke Britain untuk memperbaiki perhubungan antara kedua-dua negara?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini bunyinya lain tetapi mungkin apa yang dimaksudkan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita boleh melawat Britain. Lawatan tidak rasmi dan perjumpaan dengan Perdana Menteri Britain telah pun diadakan pada awal tahun lalu dan sekiranya Yang Berhormat memaksudkan lawatan rasmi, ini bergantung kepada keadaan sekiranya dipandang perlu untuk membuat lawatan rasmi seperti dimaksudkan, ini boleh dilakukan.

POLARISASI KAUM

12. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kerajaan sekarang ini adalah menyedari tentang wujudnya polarisasi perkauman di kalangan masyarakat majmuk kita yang kian buruk sehinggakan telah menular ke sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi dsb. maka adakah Kerajaan telah mengadakan satu kajian yang mendalam tentang punca-punca atau faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya polarisasi itu; dan apakah langkah-langkah yang berkesan sedang dirancang dan diusahakan oleh Kerajaan dengan bersungguh-sungguhnya untuk mengatasi masalah polarisasi perkauman itu supaya perpaduan antara kaum yang terpupuk sekian lama itu tidak tergut.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustafa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang

Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober 1984. Saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

(Soalan No. 13 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir).

LAGU KEBANGSAAN/ MALAYSIA BERJAYA

14. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada keputusan baru-baru ini yang mewajibkan pelajar-pelajar menyanyikan Lagu Kebangsaan dan Malaysia Berjaya setiap hari akan memperolehi 100% semangat patriotik di kalangan pelajar-pelajar tanpa sebarang perubahan terhadap polisi-polisi sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran Kerajaan Barisan Nasional yang memecahbelahkan perpaduan rakyat.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat yang menanyakan soalan ini tentu faham tidak ada terdapat satu cara yang boleh menimbulkan semangat patriotik di kalangan rakyat di negara kita ini, tetapi langkah Kementerian mengarahkan supaya Lagu Kebangsaan dan Lagu Malaysia Berjaya itu dinyanyikan adalah sebagai salah satu cara yang kita fikir akan dapat membantu membina semangat dan memupuk semangat patriotik di kalangan pelajar kita di sekolah.

Ini adalah antara cara-cara yang boleh dilaksanakan seiring dengan usaha-usaha Kerajaan yang lain bagi menyatupadukan rakyat dan rancangan-rancangan Kerajaan itu sememangnya adalah untuk perpaduan dan bukan untuk memecahbelahkan sebagaimana Yang Berhormat dakwa.

VIDEO—KELUARAN SIJIL B

15. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan melantik Syarikat SIE (Software and Systems for Industries and Enterprises Manufacturing Sdn. Bhd.) sebagai agen tunggal untuk mengeluarkan sijil B bagi pita-pita video, berapa wang yang dibayar oleh syarikat tersebut kepada Kerajaan kerana berjaya menjadi agen tunggal dan berapakah jumlah yang dikutip oleh syarikat tersebut sebagai bayaran bagi pengeluaran sijil B.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melantik Syarikat SIE Manufacturing Sdn. Bhd. untuk mencetak dan mendokumentasikan sijil salinan B tapisan filem secara berkomputer. Syarikat berkenaan tidak dilantik sebagai agen atau wakil tunggal untuk mengeluarkan sijil salinan B tapisan filem oleh kerana kuasa untuk mengeluarkan sijil salinan B ialah terletak kepada pihak Lembaga Penapis Filem seperti yang ditetapkan dalam Akta Filem Tapisan 1952.

Usaha menswastakan proses mendokumentasikan sijil B oleh syarikat tersebut ialah untuk mempercepatkan pengeluaran sijil salinan B tapisan filem kepada pemohon-pemohon yang kian meningkat terutamanya pengusaha-pengusaha pusat video. Kerajaan melantik syarikat tersebut setelah mengkaji dengan teliti keupayaan mencetak dan mendokumentasikan sijil B dengan secara berkomputer.

Pengeluaran sijil B dengan secara berkomputer itu selain daripada ianya dapat mempercepatkan pengeluaran salinan sijil dari enam bulan hingga satu tahun kepada dua, tiga hari atau seminggu paling lama. Ianya juga mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk mengelakkan daripada pemalsuan salinan sijil tersebut.

Salinan sijil tersebut juga memudahkan segi penguatkuasaan oleh kerana ia ditampal di tiap-tiap pita video itu sendiri dan tidak boleh digunakan bagi lebih daripada satu pita video seperti yang diamalkan dengan secara haram dahulu. Syarikat tersebut tidak membuat apa-apa bayaran kepada Kerajaan oleh kerana Kerajaan memerlukan perkhidmatan daripadanya. Pihak syarikat tersebut hanya mengenakan bayaran kepada pihak-pihak yang mengemukakan permohonan sijil B melalui satu kadar bayaran semata-mata untuk menampung urusan kiriman dokumen-dokumen yang dipohonkan itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya langkah untuk mengadakan pengeluaran sijil B ini untuk membereskan masalah tentang pita-pita video ini, adakah ini merupakan satu langkah secara ad hoc ataupun langkah ini sebagai satu langkah yang tetap, yang kekal untuk selama-lamanya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, langkah inilah satu langkah yang tetap oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa dengan adanya peraturan-peraturan yang begitu teratur, hasil kutipan kepada Kerajaan akan meningkat dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga semenjak ianya diswastakan sehingga 25hb September tahun ini sebanyak \$2½ juta telah dipungut dari hasil ini.

MAJLIS PERUBATAN AM BRITAIN—PENGIKTIRAFAN IJAZAH

16. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Sebab-sebab mengapa Majlis Perubatan Am Britain (General Medical Council of Britain)

yang berpengaruh itu tidak bersetuju dengan kurikulum yang disediakan bagi ijazah perubatan Universiti Malaya sehinggakan ia sedang menimbang untuk menarik balik pengiktirafan ijazah perubatan Universiti Malaya itu; dan

- (b) sama ada penarikan balik pengiktirafan sedemikian akan memberi kesan kepada graduan-graduan perubatan kita dalam permohonan mereka untuk mendapat latihan kepakaran di Britain yang mengikut tradisi tempat bagi kepakaran perubatan bagi doktor-doktor kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah pun dijawab sekaligus dengan beberapa soalan yang lain pada 11hb Oktober dalam Persidangan ini.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah masalah perumahan ini, khususnya perumahan awam Kos Rendah terus meningkat, perlaksanaannya terus mengalami "shortfall". Bolehkah dikatakan konsep penswastaan perumahan kos rendah mencapai matlamatnya sudah berjaya, dengan diberikan statistik-statistik.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk mengatakan masalah perumahan di negara ini, khususnya perumahan awam kos rendah terus meningkat dan perlaksanaannya terus mengalami "shortfall". Sebenarnya, semua

masalah-masalah berhubung dengan perumahan telah pun dikenalpastikan sejak awal perancangan Rancangan Malaysia Keempat lagi. Kebanyakan daripada masalah-masalah ini telah dan sedang diatasi. Antara lainnya masalah-masalah yang dimaksudkan ialah pemilihan tapak projek, bekalan elektrik dan air serta kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan. Sungguhpun diakui bahawa masalah-masalah seperti di atas masih lagi timbul dari semasa ke semasa, pada keseluruhannya, keadaan adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan Rancangan Malaysia Ketiga dan sebelumnya.

Mengenai "shortfall" dalam pelaksanaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki prestasi pelaksanaan. Sebagai perbandingan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga umpamanya pencapaian sektor perumahan awam kos rendah ialah 35.7% iaitu 26,250 unit sahaja daripada sasaran sebanyak 73,500 unit, manakala di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula sehingga bulan Jun 1984 kita telah mencapai hampir 29% iaitu 50,497 unit telah siap dibina daripada sasaran sebanyak 176,500 unit.

Kadar pencapaian pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat, setelah diambil kira kadar kemajuan pelaksanaan masa kini, dijangka mencapai 50% yakni 88,250 unit diharap akan siap dibina. Prestasi yang lebih baik lagi mungkin boleh dicapai kalau tidak kerana keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan yang bermula sejak pertengahan tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Berhubungan pula dengan pelaksanaan program perumahan awam kos rendah secara penswastaan, saya suka memaklumkan bahawa

setakat ini 8 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan telah atau sedang mengusahakan di dalam berbagai peringkat pelaksanaan iaitu melibatkan 48 buah projek yang mengandungi 30,632 unit rumah awam kos rendah.

Memandangkan begitu banyak rumah awam kos rendah yang akan dibina melalui konsep penswastaan, maka kami berpendapat bahawa konsep penswastaan tersebut boleh mencapai matlamat dengan jayanya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pihak Kerajaan bercadang untuk menggalakkan penswastaan pembinaan rumah-rumah kos rendah, adakah beliau sedar aduan-aduan yang sentiasa dibuat oleh syarikat-syarikat perumahan mengenai kelewatan yang sentiasa dialami oleh mereka khususnya apabila pemaju yang berkenaan menyampaikan pelan-pelan mereka kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk diproses dan diluluskan dan sekiranya beliau sedar tentang hal ini, maka adakah pihak Kementerian yang berkenaan akan mengadakan satu strategi ataupun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi segala masalah yang disebutkan oleh saya tadi.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini saya sedar tetapi tidak ada pihak pemaju yang betul-betul datang ke Kementerian untuk memberi maklumat-maklumat dan butir-butir yang boleh kami di pihak Kementerian mengambil tindakan yang selanjutnya.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang lebih lanjut lagi, saya akan sedia bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada kelembapan

proses penswastaan ini ialah kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi Kerajaan sendiri iaitu Pejabat Tanah, Majlis-majlis Daerah Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa di mana peraturan ini biasanya tidak sama dikenakan antara agensi-agensi Kerajaan yang boleh terus membina rumah tanpa merujuk ataupun tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu tetapi dalam hal ini misalnya Jabatan Perancangan tidak akan memberi recommendation kalau sekiranya perancangan itu dibuat di luar daripada kawasan "development area".

Jadi, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi perkara-perkara yang saya sebutkan itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan di sini bahawa bukanlah hajat Kerajaan untuk menghindar ataupun tidak menolong pihak-pihak pemaju yang hendak mengambil bahagian dalam program penswastaan ini tetapi saya dapati sekiranya kawasan yang hendak dimajukan itu adalah luar daripada kawasan yang ditetapkan oleh pihak perancangan, kemungkin akan berlaku di mana apabila rumah itu telah siap, pembeli-pembeli nanti tidak mendapat bekalan air dan api. Dan inilah sebagai contoh, bila ada kalanya pihak perancangan tidak memberi sokongan kerana ada juga beberapa projek yang saya tahu sehingga masa ini rumah sudah siap tetapi bekalan air dan api elektrik tidak dapat dibekalkan kepada pembeli-pembeli.

FELDA—MEMBANTU MASYARAKAT TANI

7. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerangkan langkah-langkah yang diambil supaya FELDA akan merupakan agensi yang

membantu masyarakat tani dan bukan menekan masyarakat tersebut terutama berkaitan harga bahan mentah yang dikeluarkan oleh peserta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya FELDA ditubuhkan dengan objektif untuk meningkat dan meninggikan lagi taraf hidup penduduk luar bandar serta menyusun semula masyarakat tani di luar bandar.

Dalam usaha meninggikan taraf hidup peneroka-peneroka FELDA, FELDA mengamalkan pendekatan serba lengkap dalam mana kepentingan peneroka diambil kira dari sejak tebang hutan sehinggalah pemasaran hasil tani di keluarkan oleh para peneroka.

Untuk memastikan peneroka menikmati pulangan yang setimpal dengan hasil yang dikeluarkan, FELDA di antara lain telah menyediakan kemudahan pemrosesan, pengangkutan dan juga pemasaran. Dengan cara ini kepentingan para peneroka dapat dilindungi terutama dari bahaya penindasan orang tengah.

Adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa pentadbiran FELDA tidak membantu masyarakat tani dan menekan mereka dalam perkara berkaitan dengan harga bahan mentah.

Kementerian saya akan memastikan bahawa FELDA memenuhi objektifnya sebagaimana yang telah disebutkan. Dalam soal harga bahan mentah yang dikeluarkan oleh peneroka sebagaimana Yang Berhormat maklum, ianya adalah tertakluk kepada harga pasaran semasa memandangkan bahan-bahan mentah para peneroka adalah dipasarkan mengikut sistem pemasaran moden yang biasa

diamalkan oleh pengeluar-pengeluar utama bahan pertanian di negara ini dan apatah lagi dalam masalah pemasaran antarabangsa.

AKTA SIVIL (PINDAAN) 1984—BANTAHAN

10. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memansuhkan Akta Sivil (Pindaan) 1984 memandang terdapat bantahan daripada semua pihak kecuali perusahaan insuran dan nyatakan mengapakah seorang rakyat Malaysia dianggap hilang daya pengeluarannya (unproductive) selepas umur 55 tahun padahal fakta-fakta menunjukkan bahawa beliau (rakyat Malaysia) boleh bekerja untuk sekurang-kurangnya 10 tahun lagi dan jangka hidupnya telah bertambah kepada umur 70 tahun.

Menteri Kehakiman dan di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984 telah dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1984. Rang Undang-undang berkenaan telah digubal dengan berhati-hati dan hanya selepas kajian yang teliti dan mendalam diadakan.

Kerajaan telah mengadakan undang-undang tersebut demi kepentingan masyarakat dan negara, sepertimana telah dijelaskan semasa Rang Undang-undang berkenaan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang memansuhkan Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984.

Mengenai umur, saya ingin menegaskan di sini bahawa penetapan umur 55 tahun sebagai umur persaraan dalam Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984 tidaklah ditetapkan dengan sesuka hati. Kajian yang dijalankan ke atas sebilangan besar kes-kes tempatan menunjukkan bahawa mahkamah biasanya telah

menerima-pakai 55 tahun sebagai umur persaraan berkaitan dengan tuntutan pampasan.

Memandangkan kepada keputusan-keputusan mahkamah bagi keseluruhannya, maka umur 55 tahun yang telah ditetapkan melalui pindaan itu adalah difikirkan wajar dan sesuai demi kepentingan masyarakat dan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu badan atau satu kumpulan yang ada menyokong pindaan kepada Akta Sivil ini ialah syarikat-syarikat insurans yang akan mendapat keuntungan yang besar dan semua lain-lain kumpulan adalah menentang pindaan Akta Sivil ini oleh kerana ketidak-adilan yang akan wujud, bukankah sikap Kerajaan yang tidak mahu menerima pandangan-pandangan semua puak-puak khususnya Bar Council dan lain-lain, satu sikap stubborn yang tidak mahu mengakui kesilapan-kesilapan yang sudah dibuat dan di mana mangsa sahaja ialah rakyat yang akan mendapat kerugian yang besar apabila menghadapi kemalangan.

Bolehkah Kementerian dan Kerajaan meujudkan satu sikap yang lebih bertanggungjawab bahawa perkara ini satu perkara yang akan merugikan khususnya rakyat biasa supaya apabila berlaku kemalangan, mereka boleh mendapat ganti rugi yang cukup untuk menjaga kehidupan mereka?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, dalam masa menggubal Undang-undang ini, masa yang agak lama telah diberi, sebenarnya lebih setahun, dan semua pertimbangan dan keperluan-keperluan yang dianggap mesti diperhatikan telah diambil kira. Mengenai dengan kumpulan-kumpulan yang tertentu yang telah mengutarakan pendapat-pendapat mereka masing-masing, bukanlah

dikatakan Kerajaan tidak mendengar mereka. Seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kita pun mendengar dan membaca segal hujah-hujah mereka. Saya juga menerima tulisan-tulisan daripada mereka sebagai Menteri berkenaan; dan Bar Council sebenarnya telah menyampaikan satu memorandum kepada saya dan saya akan memberi jawab kepada Bar Council mengenai dengan point-point, perkara-perkara yang Bar Council ataupun Lembaga Perundangan Malaysia telah bangkit di dalam memorandum mereka itu. Saya juga telah rela berjumpa dengan Jawatankuasa, dengan Naib Presiden dan dua orang lagi peguam-peguam yang lain dan berbincang dengan panjang lebar di Pejabat saya bersama-sama dengan mereka.

Kerajaan dalam usahanya menggubal Undang-undang ini memandang keperluan negara ini keseluruhannya. Dan pada ketika ini Undang-undang ini telah berjalan dan masyarakat akan menikmati kemudahan-kemudahan di bawahnya; dan pada ketika ini seperti yang saya katakan tadi Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengubah atau menarik balik.

BAHAN-BAHAN RADIOAKTIF— GARISPANDUAN

13. Dr Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerianya telah merumuskan garis panduan-garis panduan dan peraturan-peraturan perancangan fizikal berkenaan penempatan loji yang menyimpan atau mengeluarkan bahan-bahan yang radioaktif; adakah Kementerian telah menggubalkan panduan amalan mengenai pengangkutan dan pembuangan bahan-bahan yang radioaktif.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti

penyediaan dokumen-dokumen panduan sedang giat dijalankan oleh Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri. Aktiviti-aktiviti ini akan diambil alih oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom tidak lama lagi setelah ianya ditubuhkan dengan rasmi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang mana telah pun diluluskan oleh Parlimen. Peraturan-peraturan yang sedang digubal itu akan dikuatkuasakan di bawah Akta ini.

Untuk keperluan semasa dan sebagai langkah sementara, garis panduan-garis panduan, peraturan-peraturan atau panduan amalan yang dikeluarkan oleh badan-badan antarabangsa, terutamanya Agensi Tenaga Atom Antarabangsa ataupun (IAEA) digunakan bagi memenuhi kehendak keselamatan radiologikal dalam semua aktiviti bersangkutan dengan penggunaan tenaga nuklear secara aman.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bilakah garis panduan-garis panduan ini akan siap digubal dan juga memandangkan bahawa pengawalan merupakan satu masalah yang besar, adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semua kilang-kilang yang mengeluarkan bahan radioaktif ini di satu tempat dengan segala kemudahan-kemudahan untuk menguatkuasakan pengawalan bahan-bahan ini sekiranya Kerajaan berhasrat untuk memperkembangkan perindustrian radioaktif ataupun nuklear ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap panduan-panduan itu dapat diselesaikan di dalam masa dua, tiga bulan yang akan datang kerana Akta ini pun saya cadang akan mula berkuatkuasa, iaitu Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, pada awal tahun

hadapan. Jadi, selepas itu panduan-panduan di bawahnya akan dibuat dengan seberapa cepatnya.

Yang kedua, ini adalah tertakluk kepada rancangan Kerajaan keseluruhannya di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri masing-masing, tetapi adalah menjadi dasar Kerajaan menempatkan perindustrian yang berkaitan ataupun mempunyai bahan-bahan radioaktif ke tempat yang tertentu dan selamat bagi rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

USUL

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA Y.B. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH

4.05 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya sukacita mencadangkan iaitu—

Bahawa Yang Berhormat Dr Abdul Hamid bin Pawanteh dipilih jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4 (3) yang berbunyi:

“Jika hanya seorang ahli atau seorang lain sahaja yang dicadangkan dan disokong jadi Tuan Yang di-Pertua, ataupun dalam perkara ini Timbalan Yang di-Pertua, maka hendaklah iaitu dimasyhurkan menjadi penyandang jawatan yang telah pun dicadangkan itu dan hendaklah dia itu dimasyhurkan ia telah kena pilih.”

Dan oleh sebab hanya ada satu cadangan dan telah pun disokong, maka inilah saya memasyhurkan Ahli Yang Berhormat dari Arau dipilih jadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepuk*).

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dari Arau di atas perlantikannya itu, saya mempunyai kepercayaan penuh seperti yang ditunjukkan olehnya pada masa-masa ia menolong saya di atas Kerusi ini bahawa ia mempunyai segala kelayakan dan kebolehan menyandang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dr Abdul Hamid bin Pawanteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin mengucapkan sepatah dua kata penghargaan.

Tuan Yang di-Pertua, atas kepercayaan yang diberikan kepada saya, saya sungguh bersyukur kepada Allah s.w.t. dan ingin menyatakan perasaan amat terharu dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk Setiausaha, Penolong-penolong Setiausaha dan keseluruhan kakitangan Parlimen yang telah banyak memberi dorongan dan bimbingan kepada saya. Khususnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Parti Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad kerana sudi dan sedia memberikan amanah dan penghormatan yang sebegini tinggi kepada saya yang kerdil ini. Saya berikrar menjunjung tinggi amanah dan kepercayaan ini dengan penuh keinsafan terhadap prinsip-prinsip perjalanan Parlimen sebagai

institusi ulung dalam pemerintahan rakyat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut tradisi, saya berdiri untuk bercakap

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tidak boleh

Tuan Lim Kit Siang: Ikut tradisi, apabila ada Yang di-Pertua dipilih atau Timbalan Yang di-Pertua, semua Parliamentary Convention berdiri untuk peluang melahirkan harapan-harapan dan ucapan tahniah. Dan kita pun mahu ikut tradisi Konvensyen Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Saya hendak putuskan dahulu sama ada lain-lain ahli boleh berucap dalam perkara ini. Saya rasa pada masa saya dilantik dahulu tidak siapa pun berucap (*Ketawa*). Oleh sebab

Tuan Lim Kit Siang: dengan tradisi Parlimen dan Konvensyen Parlimen. Pada masa itu kita tidak kenal Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Lain kali tentu ada ucapan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, saya rasa oleh sebab Peraturan Mesyuarat 4 (2) ini disebutkan, tidak dibenarkan dibahas. Jadi, kalau sekiranya dibenarkan ucapan-ucapan seolah-olah dibahas, dibenarkan bahas. Saya tidak mahu benarkan demikian. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah tribute di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (*j*) dan ini tidak perlu notis. Ada peruntukan dalam Standing Order, sebenarnya bukan sahaja konvensyen; 14 (1) (*j*)—ucapan pujian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat yang itu adalah di dalam Order Paper yang selalunya dikemukakan pada

tiap-tiap hari, kena ada dalam Order Paper ataupun kenalah dengan setahu Tuan Yang di-Pertua. Saya minta teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Oktober, 1984).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang

dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (25hb Oktober 1984).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sila sambung.

4.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan ditangguhkan semalam, saya ada menyatakan bahawa walaupun pada keseluruhan Belanjawan 1985 ialah satu kemurahan hati tetapi saya berpendapat bahawa sikap murah hati oleh Kerajaan itu nampaknya lebih memanfaatkan golongan kaya daripada golongan miskin. Maka dapatlah kita gambaran bahawa ini adalah satu Belanjawan bagi golongan orang kaya. Dengan memberi lebih banyak pelepasan kepada golongan berpendapatan tinggi dan kurang pula kepada golongan berpendapatan rendah maka adalah jelas bahawa jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin semakin luas.

Satu contoh baik ialah potongan cukai yang murah hati untuk kalangan berpendapatan tinggi yang membolehkan mereka menikmati pengurangan cukai yang tinggi daripada kalangan yang berpendapatan rendah. Saya tidak bermaksud untuk membantah pengurangan cukai yang tinggi untuk kumpulan berpendapatan tinggi yang mana saya menghargai atau menerima alasan-alasan cadangan susunan cukai yang mana bertujuan memberi galakan kepada rakyat Malaysia supaya bekerja kuat lebih menyimpan, melabur dan lebih produktif lagi. Sebaliknya saya rasa bahawa inilah masanya bagi Kerajaan mengkaji semula cukai pendapatan individu oleh kerana Malaysia ialah salah satu

negara yang mengenakan cukai yang tinggi dalam dunia sebelah sini. Maka dalam semangat inilah saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengurangkan cukai pendapatan individu. Tetapi selepas mengkaji cadangan pengurangan cukai ke atas berbagai pendapatan yang kena cukai, saya rasa bahawa golongan berpendapatan rendah seharusnya diberikan layanan yang lebih baik.

Susunan semula cukai pendapatan memberi golongan kaya satu pengurangan cukai yang terbesar sementara untuk golongan berpendapatan kecil pengurangan sangat kecil jika dibandingkan kos sara hidup yang tinggi sekarang. Kebanyakan pekerja membayar cukai pendapatan ke atas pendapatan yang kena cukai tidak melebihi \$10,000 dan di bawah cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan pengurangan maksima ialah berupa \$125 dengan tidak mengambil kira rebate \$60.00 sebaliknya pula pembayar cukai yang mana pendapatan kena cukai ialah \$20,000 ia akan dapat pengurangan cukai sebanyak \$875 dan untuk mereka yang pendapatan kena cukainya ialah \$50,000 ia berhak mendapat pengurangan cukai sebanyak \$5,125, semakin tinggi kumpulan pendapatan semakin banyak pengurangan cukai yang diperolehi oleh mereka.

Sebagaimana yang saya ada katakan tadi, saya tidaklah menentang kumpulan berpendapatan tinggi mendapat banyak pengurangan tetapi saya rasa kumpulan berpendapatan rendah seharusnya mendapat pengurangan cukai yang tinggi bagi membantu mereka menghadapi kos sara hidup yang tinggi sekarang. Jika hasrat Kerajaan untuk membuat pengurangan cukai bagi menggalakkan rakyat supaya menyimpan dan melabur, maka saya rasa tidak banyak wang yang boleh

disimpan oleh golongan berpendapatan rendah dengan pengurangan cukai yang diperolehi oleh mereka. Memandangkan di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri supaya memberi lebih banyak kadar pelepasan kepada golongan berpendapatan rendah yang menjadi kumpulan terbesar dalam jumlah penduduk di negara kita dan di samping itu boleh membantu merapatkan jurang pemisahan atau perbezaan antara golongan miskin dan golongan kaya. Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan bahawa sebagai jalan untuk membantu golongan berpendapatan rendah rebate \$60.00 dan \$30.00 untuk pembayar cukai dan isteri masing-masing hendaklah digandakan. Ini adalah perlu untuk membantu golongan berpendapatan rendah bagi menghadapi kos sara hidup yang tinggi terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur ini dan lain-lain bandar besar di samping mewujudkan satu pembahagian pendapatan yang lebih saksama dan merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang miskin dan yang kaya.

Satu lagi langkah yang Kerajaan patut ambil untuk membantu golongan berpendapatan rendah ialah memberi pelepasan cukai ke atas faedah (interest) yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan untuk kediaman sehingga maksima \$30,000 sebagai satu jalan untuk memiliki rumah sendiri oleh golongan berpendapatan rendah. Pada masa ini faedah (interest) yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan tidak boleh ditolak dari cukai dan saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbang untuk memberi pelepasan cukai ini bagi maksud untuk pinjaman perumahan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang suka mengulas sedikit mengenai cadang Yang Berhormat Menteri

Kewangan berhubung dengan pelapasan cukai untuk anak selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai jumlah penduduk 70 juta. Pelepasan cukai untuk anak yang pertama pada masa sekarang ialah \$650 kurang sebanyak \$150 daripada pelepasan lama iaitu \$800. Bagi anak-anak berikutnya pelepasan ditambah dari \$700 kepada \$750 untuk anak kedua, \$600 kepada \$800 untuk anak ketiga, \$500 kepada \$800 untuk anak keempat dan \$400 kepada \$800 untuk anak kelima. Sebab untuk mengkaji semula pelepasan cukai untuk anak adalah sangat ketara tetapi adalah menjadi pandangan saya bahawa pendekatan beranak banyak (pro-natalist approach) yang dipakai dalam belanjawan untuk menggalakkan keluarga-keluarga besar tidak seharusnya diberi keutamaan oleh Kerajaan. Rakyat seharusnya dibiarkan bebas memilih untuk diri mereka sama ada mereka berkehendakkan keluarga besar atau untuk memiliki satu keluarga yang kecil untuk sebab-sebab yang tertentu. Maka adalah tidak adil bagi Kerajaan mengurangkan pelepasan untuk anak yang pertama dari \$800 ke \$650.

Kerajaan sekali lagi diingatkan bahawa sebelum ia menggalakkan rakyat mempunyai ramai anak, pertama ia mesti sedarkan rakyat bahawa Kerajaan mampu dan berupaya menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran dan sosial yang secukupnya bagi menampung pertambahan penduduk. Menaikkan pelepasan cukai untuk anak sebagai menggalakkan rakyat mempunyai ramai anak bukanlah jawapannya jika kemudahan pelajaran, kemudahan sosial tidak boleh disediakan untuk memenuhi keperluan ramai penduduk sebagaimana yang terjadi sekarang di mana Kerajaan tidak mampu menampung keperluan penduduk yang hanya berjumlah 15 juta orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, daripada memberikan keutamaan untuk galakan supaya rakyat mempunyai ramai anak, adalah lebih baik bagi Kerajaan menumpukan perhatian yang segera kepada pembangunan tenaga pekerja dan meningkatkan taraf kemahiran rakyat menerusi peruntukan pengecualian cukai ke atas buku-buku, alat-alat komputer dan lain-lain bahan bacaan dan pelajaran yang dibeli dengan maksud untuk menambah pengetahuan dan kemahiran yang boleh disumbangkan untuk pembangunan negara.

Pengecualian cukai yang saya cadangkan ini kurang disentuh dalam Belanjawan ini. Kerajaan hendaklah memberi berbagai bentuk insentif kepada mereka yang ingin menambah pengetahuan dan menguasai kemahiran.

Sebagai satu hakikat, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah menimbang peruntukan supaya dibentuk satu Tabung Pembangunan Kemahiran sepertimana yang terdapat di negara jiran kita yang mana sektor swasta boleh digalakkan untuk memberi sumbangan dengan memberi potongan cukai. Tabung itu apabila dibentuk kelak, boleh menjadi satu pertolongan kepada negara untuk digunakan bagi pembangunan tenaga pekerja dan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Jika sektor swasta boleh digalakkan untuk menderma kepada pihak berkuasa tempatan dengan memberikan mereka pengecualian cukai bagi maksud pengindahan alam sekitar, saya harap dan saya percaya mereka boleh digalakkan untuk berbuat demikian untuk Tabung Pembangunan kemahiran seperti yang saya cadangkan.

Menteri Kewangan dalam Belanjawan tahun 1985 ada membuat satu cadangan untuk membantu

restoran dan lain-lain kedai makanan dengan memberikan pengecualian duti import antara 25% dan 50% ke atas barang makanan yang biasa dihidangkan di restoran, dengan syarat barang-barang ini diimport terus dari negara asal menerusi pelabuhan tempatan.

Meskipun Kerajaan merendah atau menurunkan duti import ke atas pelbagai barang makanan, saya terpaksa menyatakan di sini bahawa pengusaha-pengusaha restoran dan hotel masih belum berpuas hati kerana cukai perkhidmatan 10% masih dikekalkan lagi. Walaupun pengusaha-pengusaha restoran pada amnya mengalu-alukan pengurangan duti import ke atas pelbagai barang makanan yang biasa dihidangkan di restoran seperti, dengan izin, shark's fin dan abalone, tetapi mereka merasa dukacita kerana cukai perkhidmatan 10% tidak diturunkan.

Sejak dikuatkuasakan pada tahun 1982, cukai perkhidmatan 10% telah menjejaskan dengan seriusnya perniagaan restoran, baik di dalam dan di luar hotel. Cukai perkhidmatan meliputi setiap orang yang memasuki mana-mana restoran atau pusat makanan yang jumlah jualan tahunan mereka ialah \$500,000 ke atas, malah mereka yang pergi ke restoran untuk mendapatkan hidangan tengahari harga murah juga tidak terkecuali membayar tax ini. Semua mereka merasai pukulan cukai perkhidmatan 10% dan akibatnya ramai orang tidak lagi pergi ke restoran dan ini menyebabkan perniagaan mereka jatuh. Kemelesetan ekonomi telah memburukkan lagi keadaan.

Cukai perkhidmatan 10% telah juga menjejaskan perniagaan pelancongan di negara ini oleh kerana ramai tuanpunya hotel dan pengusaha restoran menghadapi kesukaran untuk mendapatkan wang ringgit para pelancong dengan negara jiran yang

terdekat dengan kita, yang mana cukai perkhidmatan mereka hanya 3% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak keterlaluan untuk dikatakan di sini bahawa menurut satu banciaan yang dijalankan oleh Persatuan Peniaga Restoran di negeri Selangor, lebih kurang 27 buah restoran atau pusat makanan telah menutup perniagaan pada tahun yang lalu di berbagai tempat seluruh negara kerana akibat dari cukai perkhidmatan 10% yang dikenakan ke atas restorannya.

Memandangkan di atas, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbang sekali lagi cukai perkhidmatan 10% memandangkan kesusahan yang mengancam perniagaan restoran di samping menjadi halangan untuk galakan pelancongan. Saya suka mencadangkan di sini bahawa Kerajaan hendaklah dengan serius menimbang menurunkan cukai perkhidmatan 10% ke 5% sebagai satu cara untuk memastikan perniagaan restoran berjalan dengan baik dan dapat menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk sedikit kepada perubahan berbagai bayaran di bawah Ordinan Lalu Lintas, tahun 1958. Belanjawan mencadangkan kenaikan bayaran yang berkaitan dengan pindah milik kenderaan bermotor, begitu juga pendaftaran kenderaan. Saya mesti menegaskan di sini bahawa bayaran pindah milik kenderaan bermotor yang baru tidak adil sepenuhnya dan akan menjejaskan dengan serius perniagaan syarikat motokar terpakai. Seperti cukai perkhidmatan 10% yang menjejaskan perniagaan restoran, maka kenaikan baru dalam bayaran pindah milik kenderaan bermotor akan merupakan satu kejatuhan atau kematian ke atas syarikat motokar terpakai. Kenaikan bayaran begitu tinggi sekali.

Menurut cadangan Kerajaan, bayaran pindah milik kenderaan bermotor yang baru adalah seperti berikut:

Dari individu kepada individu
kenaikan dari \$40 kepada \$100;

Dari individu kepada syarikat
kenaikan dari \$40 kepada \$300;

Dari syarikat kepada individu
kenaikan dari \$40 kepada \$100;

Dari syarikat kepada syarikat
kenaikan dari \$40 kepada \$100.

Dari jadual yang saya sebutkan di sini, ini bermakna jika seseorang ingin membeli sebuah motor terpakai dengan mengaturkan satu pinjaman menerusi sebuah syarikat kewangan, misalnya yang biasa dilakukan oleh ramai orang, beliau terpaksa membayar sebanyak \$400 bagi membolehkan pindah milik dilakukan walaupun pada masa ini beliau hanya dikehendaki membayar \$80, iaitu satu kenaikan 400%. Beliau terpaksa membayar \$50 lagi sebagai pengesahan dalam buku pendaftaran tuntutan Hakmilik. Kenaikan ini tidak bermakna langsung dan kenaikan ini akan memamatkan hasrat orang ramai untuk membeli motokar terpakai dan memohon pindah milik kenderaan bermotor. Justrunya ramai orang yang membeli motokar atau kenderaan bermotor daripada syarikat motor terpakai adalah mereka yang tidak mampu membeli kenderaan baru atau kereta baru.

Berhubung dengan bayaran pendaftaran kenderaan bermotor, kenaikan juga terlalu tinggi dan perlu diturunkan. Memandangkan bahawa perubahan kepada berbagai jenis bayaran yang berada di bawah Ordinan Lalu Lintas 1958 yang ditadbir oleh Kementerian Pengangkutan, saya suka menggesa agar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya menimbang keadaan orang ramai dan syarikat

motokar terpakai dan diharap berbuatlah sesuatu untuk memastikan kewujudan mereka. Saya kesal kerana Menteri Pengangkutan tidak berunding dengan kalangan yang tertentu yang terlibat, terutama pengedar-pengedar motokar terpakai sebelum membuat kaedah-kaedah baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghentikan banyak syarikat hartanah yang mengelak dari membayar cukai keuntungan hartanah menerusi penjualan saham-saham syarikat, Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan satu cukai pemindahan saham sebanyak 10% dikenakan ke atas nilai penjualan saham yang melebihi \$1 juta oleh syarikat-syarikat yang tidak berdaftar dengan bursa saham dan mempunyai tanah sebagai salah satu daripada hartanya.

Berhubung dengan cadangan cukai pemindahan saham sebanyak 10% yang diperkenalkan menerusi satu undang-undang baru bertajuk Akta Cukai Syarikat Harta Tanah Pemindahan Saham 1984, ramai pihak telah menyuarakan pandangan bahawa mereka masih samar-samar dan meragui ke atas Akta ini terutama berhubung dengan takrif atau definisi sebuah syarikat hartanah yang saya rasa perlu diberi penjelasan. Sebagai contoh sesebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan bukan hartanah dan ia mempunyai sebuah rumah kedai sebagai salah satu hartanya, jika syarikat ini hendak menjual saham-sahamnya yang bernilai lebih dari \$1 juta, adakah ia juga tertakluk kepada cukai pemindahan saham ini. Jika demikian, adalah jelas ianya tidak adil kerana syarikat berkenaan tidak terlibat dalam spekulasi tanah. Maka saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat memberikan sedikit penjelasan terhadap perkara yang dikemukakan oleh saya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk membantu industri berasaskan getah dengan memberi pengurangan kadar tarif elektrik kepada pengilang-pengilang berasaskan getah yang berorientasikan eksport adalah satu langkah dalam arah yang betul. Saya rasa bahawa galakan yang serupa hendaklah juga diberi kepada lain-lain industri seperti industri kain. Banyak pengilang kain kita yang juga berorientasi eksport dan dengan memberi mereka galakan tertentu kepada mereka, maka mereka akan menjadi lebih kompatitif dalam pasaran antarabangsa.

Berhubung dengan industri pembinaan, Kerajaan hendaklah mengurangkan cukai jualan 10% ke atas 46 bahan binaan yang diperkenalkan dalam Belanjawan tahun yang lalu supaya industri ini boleh membantu merangsang pertumbuhan industri pembinaan dan rakyat Malaysia boleh mempunyai rumah yang murah pada harganya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu industri bas, adalah dicadangkan oleh Kerajaan supaya dikecualikan semua bas berhenti-henti dan bas sekolah milik syarikat daripada dikenakan duti eksais. Saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa bas-bas sekolah yang dimiliki oleh orang perseorangan tidak diberi pengecualian. Saya suka menggesa Menteri Kewangan supaya menimbang untuk memberi pengecualian 5% duti eksais kepada semua perusahaan kecil bas sekolah yang mana dalam jangka panjang boleh menggalakkan mereka menukar atau memperbaiki kenderaan mereka lebih kerap. Maka dengan itu boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada murid-murid. Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja terdapat lebih kurang 1,000 buah bas milik persendirian dan apa juga pengecualian duti eksais untuk bas-bas sekolah mereka akan menjadi pertolongan besar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1985 juga mencadangkan bahawa pekerja-pekerja dibenarkan menikmati kemudahan tambang percuma yang tidak dikenakan cukai, jika mereka membuat perjalanan dengan menggunakan pengangkutan nasional iaitu Sistem Penerbangan Malaysia atau jika mereka membuat perjalanan ke tempat-tempat yang tidak ada perkhidmatan pengangkutan nasional maka tiket-tiket bagi tujuan ini mesti dikeluarkan oleh pengangkutan nasional. Menimbangkan kepada betapa perlunya mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara, saya menyokong penuh langkah penggunaan lebih banyak perkhidmatan MAS, daripada syarikat penerbangan luar negeri apabila membuat perjalanan ke luar negeri. Tetapi saya terpaksa menegaskan di sini bahawa ianya akan bertambah baik jika Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) boleh menyediakan kemudahan lebih baik dan mempunyai keupayaan yang cukup untuk memenuhi permintaan penerbangan udara yang kian bertambah oleh rakyat Malaysia.

Memandangkan ini saya suka mencadangkan bahawa MAS hendaklah mencari jalan untuk memperbaiki kemudahannya dan kemampuan serta juga perkhidmatannya untuk memenuhi permintaan bagi penerbangan yang kian bertambah oleh rakyat Malaysia dalam masa akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Belanjawan 1985 telah memberikan banyak galakan untuk merangsang sektor swasta dan masyarakat perniagaan, sudah pasti ia menggalakkan lebih banyak perniagaan untuk peniaga-peniaga tempatan kita oleh kerana strategi Belanjawan 1985 bertujuan untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia banyak membeli dan memakai barang-barang keluaran Malaysia sebagai

sebahagian rancangan menyeluruh untuk mengurangkan defisit imbalan bayaran yang teruk. Jumlah jualan barang-barang pasti meningkat dan para peniaga tempatan tentu boleh menerima banyak faedah.

Sebagai seorang warganegara Malaysia, saya menyokong penuh kempen menyelamatkan pertukaran asing wang ringgit kita dengan membeli barang-barang keluaran tempatan. Tetapi pada masa yang sama saya juga suka menegaskan bahawa betapa mustahaknya bagi Kerajaan memastikan terdapat pengurangan keseluruhan harga barang-barang dan perkhidmatan di samping memperbaiki mutu barang-barang keluaran tempatan supaya pengguna-pengguna Malaysia akan menerima faedah.

Saya tidak ingin melihat para pengguna Malaysia akan ditindas dari segi harga dan mutu apabila mereka digalakkan membeli dan memakai barang-barang buatan tempatan dan perkhidmatan dari Malaysia. Memandangkan perkara di atas, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuh satu Pasukan Petugas Kebangsaan yang mengandungi perwakilan para pengguna untuk mengawasi dan mengkaji semula semua perkembangan dari cadangan belanjawan 1985 ini. Seharusnya menjadi tanggungjawab Pasukan Petugas Kebangsaan untuk memastikan semua pengguna Malaysia menerima faedah dari belanjawan berkaitan harga dan mutu semua barang-barang keluaran tempatan.

Adalah mesti diingat bahawa sama ada kita akan berjaya atau tidak untuk membaiki imbalan pembayaran kita yang menjadi masalah ekonomi nombor satu akan bergantung ke atas tindakan yang selaras dan bersama ke atas semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara Agensi-agensi Di Luar Belanjawan, saya suka mengalukan pengumuman Menteri Kewangan untuk mengurangkan perbelanjaan agensi-agensi. Pengurangan perbelanjaan agensi-agensi ini sebanyak \$1,500 juta kepada \$5,700 juta adalah satu langkah ke arah yang betul. Inilah masanya bagi Kerajaan untuk memperluaskan kawalannya ke atas Agensi-agensi Di Luar Belanjawan bagi memastikan perbelanjaan mereka tidak menjejaskan ekonomi negara. Adalah tidak dapat menafikan bahawa perkembangan perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan yang tidak dikawal itu telah meningkat sejak beberapa tahun yang lampau. Pada tahun 1981 agensi-agensi ini membelanjakan \$2.5 billion atau 18% dari jumlah perbelanjaan awam dan ini dijangka mencapai \$7.2 billion atau 46% dalam tahun 1984.

Apa yang sangat mendukacitakan ialah sehingga sekarang tidak ada pengawasan kewangan ke atas agensi-agensi ini yang seragam pada keseluruhannya dan ini mengakibatkan kurangnya accountability kepada orang ramai.

Berkaitan dengan hutang awam kita, sebahagian jumlah tunggakan hutang negara kita telah dipinjamkan semula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi di luar belanjawan. Daripada jumlah hutang negara sebanyak \$52 billion pada bulan Jun tahun ini tunggakan sebanyak \$20.18 billion ialah dari Agensi-agensi Di Luar Belanjawan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebahagian pinjaman dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga memberi jaminan ke atas pinjaman yang dibuat oleh agensi-agensi sendiri. Jumlah tunggakan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan ialah \$7 billion. Jika kita menjumlahkan tunggakan hutang negara \$20 billion dan \$7 billion yang

dijamin maka jumlah tunggakan dari Agensi Di Luar Belanjawan dan Kerajaan-kerajaan Negeri ialah 46% dari hutang awam. Memandangkan keadaan di atas, Agensi-agensi Di Luar Belanjawan mestilah dikawal dan pengurangan sebanyak \$1,500 juta walaupun tidak banyak adalah merupakan satu aliran ke arah pengurangan yang lebih besar nanti.

Saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengambil semualangkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa semua Agensi-agensi Di Luar Belanjawan mestilah dipertanggungjawab untuk mengumumkan kedudukan mereka kepada rakyat, orang ramai dan penyata kira-kira agensi-agensi ini mestilah dibentangkan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang akhir yang saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyuarakan di Dewan yang mulia ini ialah berkaitan dengan aspek pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aspek pembasmian kemiskinan saya suka melihat Belanjawan 1985 memperuntukkan sebanyak \$2,190 juta kepada projek-projek atau program-program membasmi kemiskinan.

Bolehlah diingat semula bahawa pembasmian kemiskinan tidak mengira bangsa adalah satu daripada dua objektif Dasar Ekonomi Baru. Lebih daripada 10 tahun telah berlalu sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah memerhatikan bahawa semasa 10 tahun yang lalu kemajuan yang telah dibuat dalam menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru telah memuaskan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, setelah memerhatikan rekod dan prestasi Kerajaan dalam membasmi

kemiskinan dalam tempoh 10 tahun yang lalu saya mesti menyatakan di sini bahawa rancangan "serampang dua mata" Dasar Ekonomi Baru tidak ditegaskan dengan rata dan saksama. Adalah nyata bagi saya dan rakyat Malaysia yang lain bahawa penegasan yang lebih besar setakat ini telah diberi oleh Kerajaan kepada serampang yang kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalpasti kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi daripada serampang yang pertama iaitu pembasmian kemiskinan tidak kira kaum.

Sungguhpun benar bahawa Kerajaan mengakui bahawa kemiskinan menyerap masuk sempadan kaum-kaum di luar banda dan dalam bandar, usaha-usaha pembangunan sejak wujudnya Dasar Ekonomi Baru nampaknya dengan hebat diarah terhadap serampang menyusun semula terutamanya dalam memperhebatkan lebih banyak lagi pemilikan bumiputera ke atas modal saham di dalam sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah pada pandangan saya bahawa serampang yang pertama Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum tidak ditegaskan dengan secukupnya. Ini adalah jelas dalam kes kemiskinan dalam kawasan-kawasan bandar dan juga kampung-kampung baru dan estet-estet yang mana telah terlalu sangat diabaikan dan diketepikan dalam program-program Kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

Sebelum saya membincangkan perkara kemiskinan bandar dan apa patut dibuat untuk menyelesaikannya saya sukacita hendak menggesa Kerajaan memandangkan ketegasan yang tidak seimbang dalam rancangan dua serampang Dasar Ekonomi Baru supaya beralih daripada penegasan

dalam menyusun semula kepada pembasmian kemiskinan atas asas bukan perkauman sebenar-benarnya.

Saya percaya bahawa peralihan itu adalah perlu untuk mencapai keadilan dan perpaduan negara yang tulin selaras dengan objektif muktamad Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa Dasar Ekonomi Baru telah mendapat beberapa pencapaian-pencapaian dalam serampang menyusun semula dan kemajuan yang besar telah dibuat dalam pemilikan bumiputera dalam kekayaan korporat bertentangan dengan apa yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Adalah nyata bahawa pemilikan bumiputera ke atas modal saham dalam estet-estet, perlombongan dan kewangan pada masa ini telah melebihi 30%. Selain daripada itu ujudnya Akta Penyelarasan Perindustrian telah membolehkan lebih daripada 15% modal pembuatan diambil oleh pelabur-pelabur bumiputera.

Dalam bidang pengangkutan, pemilikan negara atau national ownership ke atas MAS, MISC dan Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL) dan juga pelesenan bas-bas dan teksi-teksi telah juga menentukan kadar tinggi perwakilan bumiputera di dalamnya. Kelima-lima buah sektor yang disebutkan oleh saya adalah kunci penderak kekayaan sektor ekonomi di negara kita. Oleh yang demikian adalah dalam anggapan saya bahawa pemilikan bumiputera keseluruhannya dalam kekayaan Koperat telah melebihi 18.7% angka yang diberi oleh Kerajaan, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa usaha-usaha Kerajaan menyusun semula untuk mengerak kepesatan dalam beberapa tahun yang lalu bahawa kita pasti 30% sasaran akan dicapai dalam tahun 1990, jika tidak awal daripadanya.

Saya sangat hairan bahawa pencapaian oleh Kerajaan mengenai serampang menyusun semula Dasar Ekonomi Baru kurang dilaporkan dan ini memberi alasan bagi setengah-setengah pihak menyeru supaya menaikkan sasaran 30% dan menambah tempoh Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Memandangkan perkara di atas saya dengan yang demikian saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya dengan tepat memberi maklumat mengenai pemilikan saham supaya perkara-perkara ini boleh dilihat dan dinilai dari segi atau sudut yang wajar. Dengan cara ini tidaklah ada asas untuk memohon tanpa keadilan seperti menambah tempoh Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Adalah jelas bahawa Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mendapat beberapa pencapaian terutamanya bagi bumiputera dalam serampang menyusun semula terutama dalam sektor awam dan adalah pandangan saya bahawa Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menentukan peranan yang luas bagi rakyat Malaysia yang lain memainnya dalam sektor swasta ini.

Berbalik kepada soal kemiskinan, saya suka menyatakan di sini bahawa walaupun kemiskinan dalam maksudnya yang sebenar telah dihapuskan berbanding dengan angka-angka rancangan pembangunan pada masa yang lalu, tetapi ia masih merupakan satu masalah lagi yang dihadapi oleh semua rakyat Malaysia pada hari ini.

Apa yang saya suka menekankan secara khususnya di sini ialah kemiskinan bandar, ianya tidak boleh dinafikan bahawa kemiskinan bandar semakin bertambah disebabkan oleh penghijrahan luar bandar ke bandar, dan ini merupakan tumpuan di Wilayah Persekutuan dan kawasan sekitar Lembah Kelang.

Apabila memperkatakan penghijrahan luar bandar ke bandar masalah kemiskinan bandar mestilah dilihat dari perspektif yang sebenarnya ianya tidak boleh dilihat sebagai satu masalah orang Cina sahaja, tetapi juga sebagai masalah pelbagai kaum kerana mereka yang terlibat dalam penghijrahan luar bandar ke bandar itu kebanyakannya orang Melayu, pertambahan yang tetap penduduk Melayu dalam kawasan-kawasan bandar menerusi penghijrahan luar bandar ke bandar diketahui menerusi angka peratusan yang berikut:

PENDUDUK DALAM BANDAR

Tahun	Melayu %	Cina %	India %	Lain-lain Kaum %
1947	19	63	14.7	3.2
1957	21	62.6	12.8	—
1970	27	58.4	12.7	—
1980	37.9	50.3	11	—

Maka apa juga perbincangan mengenai masalah kemiskinan bandar mestilah meliputi banyak golongan-golongan yang berkenaan, misalnya golongan setinggan, golongan bukan setinggan atau penduduk-penduduk

yang mundur. Sebab-sebab berlakunya kemiskinan bandar ialah berpunca dari daya pengeluaran yang rendah, kerja-kerja berpendapatan rendah, saiz keluarga yang besar, pengangguran dan kurang pelajaran.

Kita ambil sahaja sebagai contoh masalah setinggan di Kuala Lumpur yang mewakili lebih kurang $\frac{1}{4}$ penduduk Bandaraya, setinggan

Kuala Lumpur adalah mencerminkan susunan masyarakat majmuk di negara ini.

SETINGGAN DI BANDARAYA—PEMBAHAGIAN KAUM

Tahun	Melayu %	Cina %	India dan lain-lain kaum %
1958	33	52	15
1968	21	68	11

Perkembangan masyarakat setinggan Melayu ialah disebabkan oleh kesan pemodenan dan Dasar Ekonomi Baru. Kedua-dua faktor ini telah mencerahkan harapan orang Melayu dan meluaskan peluang-peluang untuk mereka. Penghijrahan orang Melayu ke kawasan Lembah Kelang sepanjang tempoh beberapa tahun ke belakang ini telah bertambah dengan pesat. Sebilangan besar setinggan berada dalam golongan kemiskinan yang ditakrif menerusi paras pendapatan isi rumah sebanyak \$400 sebulan menurut laporan Dewan Bandaraya pada tahun 1981. Ini mengandungi 44% daripada jumlah penduduk setinggan yang mana 64% daripadanya ialah orang Melayu, 59% ialah orang India dan 23% ialah orang Cina. Adalah wajar untuk diketahui apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka. Walaupun Pihak Berkuasa Tempatan telah membuat peruntukan untuk mempertingkatkan kawasan-kawasan setinggan ke taraf hidup yang lebih baik, yang ada sekarang dari semasa ke semasa tetapi saya masih belum nampak satu dasar yang tegas, satu program yang tegas dan jelas untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat tidak menggariskan apa juga program tindakan untuk mengatasi kemiskinan bandar yang tidak sahaja meliputi setinggan, tetapi juga bukan setinggan.

Memandangkan di atas saya suka mencadangkan bahawa seharusnya ada satu program tindakan yang lengkap dan projek-projek tertentu untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar pada tempoh yang digariskan katakan dalam tempoh 4-5 tahun akan datang.

Adalah pandangan saya bahawa sebarang program untuk membasmi kemiskinan bandar hendaklah mengandungi:

- (i) peruntukan lebih banyak perumahan harga rendah untuk menempatkan orang-orang miskin dalam bandar pada harga yang mereka mampu sebagai cara berkesan mengurangi setinggan.
- (ii) latihan semula untuk golongan yang kurang mahir dan mengged kemahiran buruh orang-orang miskin dalam bandar bagi membantu mereka menyesuaikan diri mereka untuk menceburi tenaga buruh dan mencari pekerjaan.
- (iii) mewujudkan perusahaan kecil yang membolehkan orang-orang miskin dalam bandar dari berbagai kaum supaya berusaha sama melibatkan dalam industri-industri kecil.
- (iv) memperuntukkan lebih banyak peluang-peluang menjaja dan berniaga kecil dalam bentuk tapak-tapak yang sesuai bagi

mereka yang hendak bekerja sendiri sebagai penjaja dan peniaga kecil.

- (v) memperbaiki kualiti hidup orang-orang miskin dalam bandar amnya dengan menentukan bahawa keperluan-keperluan asas mereka untuk pelajaran, untuk pakaian dan tempat berteduh mestilah diadakan.

5.00 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Belanjawan ulungnya ada hari Jumaat lalu. Satu ciri ketara ialah Belanjawan tersebut tidak menyempitkan pertumbuhan ekonomi, sebaliknya ia semata-mata bertujuan memupuk suasana sihat untuk menggalakkan pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang menghadapi 3 masalah yang memeningkan kepala:

- (1) kekurangan imbalan pembayaran yang dijangkakan berjumlah \$4,911 juta bagi tahun 1985;
- (2) pinjaman Kerajaan yang berjumlah \$54,476.25 juta yang mengakibatkan bagi setiap ringgit hasil 5.5%nya adalah digunakan untuk membayar balik pinjaman; dan
- (3) bayaran tak ketara yang berjumlah \$16,624 juta tahun ini yang dijangkakan meningkat ke \$18,221 juta pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Kontrak-kontrak Binaan Besar yang berharga berjuta-juta ringgit kebanyakannya adalah bangunan-bangunan pencakar langit. Dalam masa kebelakangan ini adalah

dianggarkan sebanyak \$6 billion projek-projek pembinaan dibolot oleh pemborong-pemborong Jepun dan Korea Selatan. Kalau diselidik adalah didapati amalan lazim bagi pemborong-pemborong Jepun ialah melalui kontrak-kontrak yang diperolehinya mengalirkan berjuta-juta pertukaran wang ringgit secara halus kepada negara mereka. Jika dibiarkan berterusan, maka masalah kekurangan imbalan pembayaran kita ternyata akan menjadi lebih rumit, lebih-lebih lagi kurangan tak ketara dengan Jepun dijangka meningkat ke US\$594 juta pada tahun 1985.

Untuk kesenangan rujukan Dewan ini, saya dengan ini menurunkan sebahagian besar projek-projek yang berkenaan:

- (1) Bangunan Dayabumi;
- (2) Kompleks UMNO;
- (3) Kompleks PNB;
- (4) Ibu Pejabat PEREMBA;
- (5) Bangunan KWSP;
- (6) Hotel Shangrila;
- (7) Hotel Oriental;
- (8) Bangunan MNC;
- (9) Pan-Pacific Hotel.

Apa yang saya maksudkan tadi ialah ramai pemborong Jepun ghairah menggunakan bahan-bahan buatan Jepun, wal hal ia boleh dibeli dari kilang-kilang tempatan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tidak sukar untuk memperolehi bukti yang menunjukkan kecenderungan pemborong-pemborong Jepun mengimport bahan-bahan binaannya. Sebenarnya kalau diselidik, kebanyakan projek yang diborongnya mempunyai peratusan yang tinggi pemilihan dan pembelian bahan-bahan buatan Jepun. Amalan ini

secara langsung merugikan ekonomi kita. Di samping itu, sebahagian teknologi binaan tinggi yang terdapat di Tokyo tidak seharusnya menguntungkan ekonomi kita kerana Tokyo adalah terlalu "urbanised", dengan izin, yang memerlukan sistem "staking-up" dan belanja buruhnya adalah terlalu tinggi. Jadi, teknologinya perlu diubahsuai bagi "maximise" bahan-bahan binaan yang terdapat di pasaran tempatan. Sebaliknya, jika pemborong-pemborong tempatan mengendalikan projek-projek besar seperti itu, mereka sanggup memilih dan memperolehi bahan-bahan binaannya dari sumber-sumber tempatan. Cara inilah yang akan memberi manfaat kepada kilang-kilang tempatan. Kesan-kesan pembeliannya sudah tentu akan menggerak dan menguntungkan segenap lapisan ekonomi kita.

Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengkritik orang-orang Jepun kerana mengamalkan sistem "transfer pricing". Lagipun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan dasar Pandang ke Timur tidak semata-mata bermakna kita harus membeli barang-barang buatan Jepun atau kita harus menganugerahkan kontrak-kontrak besar kepada orang Jepun, malah ia bukan satu lawaan untuk orang Jepun bersikap angkuh atau berlagak ketidakpekaan di sini. Sebenarnya "Ashahi-Shimbun" pada pertengahan bulan ini dalam satu rencana khasnya mengenai amalan peniaga Jepun yang mementingkan diri sendiri telah memberi amaran tentang gejala-gejala perasaan anti-Jepun yang akan mungkin tercetus di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada jalan untuk mengatasi masalah ini dari segi aliran pertukaran wang asing Malaysia. Masalahnya ialah

pengurusan-pengurusan projek Jepun di sini secara halus mengecualikan pekilang-pekilang tempatan kita dari menceburkan diri mereka dalam membekal bahan-bahan binaan yang dikilangnya. Jika disoal, pihak orang Jepun sudah tentu akan memberi alasan bahawa pekilang-pekilang tempatan tidak mampu membekal jenis-jenis bahan binaan dengan quantity yang begitu banyak dalam tempoh masa yang disyaratkan dalam tawarannya. Misalnya, jika pihak pengurusan projek Jepun mempelawa tawaran untuk jubin-jubin dengan quantity tertentu yang terpaksa dibekalkan dalam tempoh masa 2 bulan, pekilang-pekilang jubin kita yang mempunyai had capacity pengeluaran memang tidak mampu melibatkan diri dalam tawaran-tawaran yang begitu singkat, tetapi pihak pengurusan projek itu tidak keberatan mendapatkan bahan-bahan binaan itu dari Jepun dalam tempoh masa yang berkenaan. Masalahnya ialah jadual masa projek yang padat adalah diperalatkan untuk mengecualikan pekilang-pekilang kita dari projek-projek itu. Saya berpendapat kalau pihak pengurusan projek itu jujur dan bersungguh-sungguh hendak memberi peluang kepada pekilang-pekilang tempatan, mereka boleh mempelawa tawaran-tawaran dari pekilang-pekilang tempatan di peringkat-peringkat awal pelaksanaan projeknya.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa:

- (1) pemborong-pemborong luar negeri disyaratkan menggunakan bahan-bahan binaan tempatan asalkan ia adalah dikilangkan di sini;
- (2) bagi projek-projek yang tidak melebihi \$30 juta harganya, hanya pemborong-pemborong tempatan dibenar menawarnya

kerana pemborong-pemborong kita sanggup memikulnya dengan cekap; dan

- (3) hanya projek-projek yang tidak sanggup dipikul oleh pemborong-pemborong tempatan boleh ditawarkan kepada orang-orang asing.

Dari segi ekonomi kita, cadangan-cadangan tersebut di atas akan:

- (1) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.
- (2) Memberi tempahan-tempahan kepada kilang-kilang tempatan.
- (3) Menyekat aliran pertukaran wang ringgit ke negara asing.
- (4) Menggerak pertumbuhan sektor perkilangan selari dengan cabang ketiga cadangan Belanjawan 1985.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan memberi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membentang Belanjawannya pada hari Jumaat lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.11 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Belanjawan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana telah mengambil sikap yang positif, murah hati dan dinamis terhadap Belanjawan 1985. Teras Belanjawan kali ini ialah bagi memastikan ketahanan dan keutuhan ekonomi negara untuk mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan. Langkah ini

adalah wajar memandangkan keadaan ekonomi dunia, walaupun sudah bertambah baik, tidak terjamin yakni sama ada pemulihan yang berlaku sekarang dapat dikekalkan. Oleh itu, adalah perlu bagi Kerajaan meneruskan dasar berjimat-cermat supaya perbelanjaan dapat dikawal. Adalah diharapkan bahawa Belanjawan 1985 akan mendorong semua pihak untuk bekerja dengan lebih gigih, menambahkan daya pengeluaran, meningkatkan lagi simpanan dan melaburkan wang simpanan mereka supaya pertumbuhan ekonomi kita bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1985 tidak mengandungi banyak perubahan yang substantif, perubahan-perubahan cukai, khususnya cukai pendapatan perseorangan adalah perubahan yang amat penting. Kurangan dua kadar cukai yang terendah iaitu 6% dan 9% masing-masing kepada 5% dan 8% dan kadar cukai maksimum dari 55% ke paras 40% bagi pendapatan yang melebihi \$100,000 hingga \$300,000 adalah disambut baik oleh rakyat, oleh kerana ia akan memberi faedah bukan sahaja kepada golongan yang berpendapatan tinggi tetapi kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Sungutan daripada setengah pihak bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan orang kaya adalah tidak benar, oleh kerana hanya 500,000 sahaja penduduk kita yang membayar cukai, kira-kira 14½ juta tidak membayar cukai perseorangan. Jumlah membayar ini merupakan 10% daripada penawaran buruh kita ataupun di antara 3% hingga 4% jumlah penduduk negara.

Saya ingin juga menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sepertimana yang telah kita maklum satu perkataan, dengan izin, to whom much is given much is expected. Bagi

orang yang kaya di negara ini memanglah tanggungjawab mereka terhadap ekonomi negara adalah berat. Kita harap supaya satu pengorbanan yang ikhlas diberi oleh mereka.

Dengan kekurangan kadar cukai tersebut, adalah dianggarkan bahawa pendapatan Kerajaan akan berkurang sebanyak \$359 juta. Ini menunjuk dengan jelasnya hasrat Kerajaan yang sentiasa mencari jalan bagaimana dapat meringankan beban rakyat dengan mengurangkan cukai yang mereka bayar. Kurangan cukai ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih dinamis dan pragmatik lagi dalam membangun pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Pengorbanan \$359 juta pendapatan ini oleh Kerajaan harus menjadi satu dorongan kepada sektor swasta supaya memainkan peranan bersifat nasionalisma dalam membangun dan memperkukuhkan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kurangan cukai ini adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran pelaburan dan jumlah simpanan di kalangan rakyat. Tindakan ini diambil dengan harapan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negara kita. Dengan adanya simpanan yang bertambah, pelaburan juga akan bertambah oleh kerana peruntukan wang simpanan yang sedia ada. Apabila pelaburan meningkat, berbagai kegiatan ekonomi akan berjalan dan ini akan memberi peluang bekerja kepada rakyat. Akibat perkembangan ini, ekonomi kita akan bertumbuh dengan pesat, daya pengeluaran akan bertambah dan pendapatan rakyat dan negara akan bertambah dan ini seterusnya akan membawa kepada kesesuaian hidup, kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ragu-ragu tentang kesan sebenarnya kurangan cukai ini. Anggapan bahawa kurangan cukai ini akan menambah pelaburan tidak semestinya benar tanpa kerjasama dari pihak swasta dan sektor yang berkenaan. Masalah yang sebenar ialah bukan kurang wang simpanan tetapi sama ada peluang ataupun iklim pelaburan di Malaysia begitu menarik.

Dari pengalaman kita semua sedar bahawa pelabur-pelabur akan melabur di tempat mana mereka dapat keuntungan yang maksima. Memandangkan keadaan ekonomi yang tidak ketentuan (uncertain) dalam tahun 1985, pelabur-pelabur tempatan akan enggan melabur di negara ini. Dengan kadar faedah dollar Amerika yang tinggi sekarang ini, tidaklah memeranjatkan kita jika pelabur-pelabur kita mengambil kesempatan ini untuk melabur di negara mana yang dapat memberi pulangan maksima kepada pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya merayu kepada jutawan-jutawan Malaysia supaya ada semangat nasionalisma dan menggunakan wang simpanan mereka untuk dilabur di pasaran dan ekonomi tempatan tanpa mengirakan kelebihan untung yang mereka akan dapat jika wang tersebut dilabur di pasaran antarabangsa. Inilah masa bagi pelabur-pelabur kita untuk menunjukkan keazaman mereka dalam membantu Kerajaan memperkukuh serta menstabilkan ekonomi negara. Selain daripada memberi keuntungan kepada pelabur, pelaburan di negara asing ini akan juga memberi keuntungan kepada negara tempat melabur. Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya jika wang tersebut dibawa balik ke Malaysia dan dilabur dalam ekonomi kita. Tindakan ini akan disambut baik oleh semua rakyat.

Untuk menggalakkan wang ini dibawa balik ke Malaysia, saya bercadang supaya Kerajaan memberi cukai pengecualian kepada wang ini ataupun langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan sejajar dengan hasrat yang saya sebutkan tadi. Ini akan menggalakkan pelabur-pelabur kita membawa balik wang mereka ke tanahair untuk dilabur. Selain daripada memberi galakan yang tertentu, pihak bank juga harus memberi kadar faedah yang lebih tinggi kepada deposit. Ini akan menggalak lebih banyak simpanan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang kita harus bertanya kepada diri kita sendiri ialah: Bagaimanakah Kerajaan dan sektor swasta dapat bertindak ataupun respond kepada tanda-tanda yang menunjukkan keadaan ekonomi dunia bertambah baik? Tuan Yang di-Pertua, mengikut strategi Belanjawan 1985, imbalan pembayaran harus diperkukuhkan. Kedua, kedudukan Belanjawan sektor awam harus diperkukuhkan supaya pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan dapat dipertahankan. Ketiga, pertumbuhan sektor swasta dapat digalakkan. Strategi ini perlu kita capai supaya ekonomi negara menjadi lebih teguh dan mantap semasa menunggu ekonomi dunia menjadi kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan supaya berwaspada dan berjimat cermat dalam membelanjakan wangnya, adalah langkah yang prudent, baik dan bijak. Kerajaan harus mengawal dengan ketat segala perbelanjaan. Dasar Kewangan Kerajaan yang akan terus memberi keutamaan bagi mengekalkan disiplin kewangan akan mengurangkan defisit dalam sektor awam dan akaun semasa imbalan pembayaran. Akibat usaha Kerajaan mengurangkan perbelanjaan awam telah pun berjaya mengurangkan

kurangan imbalan pembayaran dalam beberapa tahun yang lepas. Dalam hal ini, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan. Ini menunjukkan keazaman dan ketekunan Kerajaan untuk berdisiplin dan bertindak supaya ekonomi negara tidak terjejas sewaktu ekonomi dunia yang meleset berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya setuju dengan usaha Kerajaan mengawal dengan ketatnya segala perbelanjaan, satu perbelanjaan yang kita tidak dapat kurangkan ialah gaji, upah, elaun, pencen dan gratuiti kakitangan Kerajaan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Perbelanjaan Mengurus dalam Belanjawan tahun 1985 bertambah sebanyak kira-kira \$2,522 juta atau 13% melebihi Belanjawan tahun 1984. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah untuk menampung kenaikan dalam perbelanjaan bayaran hutang negara dan menampung kenaikan biasa dalam gaji kakitangan Kerajaan. Peruntukan bagi bayaran hutang negara merupakan 26% dan bayaran gaji 35% daripada jumlah anggaran Perbelanjaan Mengurus 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan telah meningkat dari 500,000 dalam tahun 1972 kepada 1.2 juta dalam tahun 1984. Satu, dengan izin, "civil service" yang amat besar jika dibandingkan dengan jumlah penduduknya. Mengikut laporan dari pejabat Ketua Audit Negara jumlah pendapatan Kerajaan dalam tahun 1983 adalah sebanyak \$18.6 ribu juta, berbanding dengan jumlah perbelanjaan Kerajaan termasuk perbelanjaan pembangunan sebanyak \$28 ribu juta ataupun \$28 billion. Ini menunjukkan defisit sebanyak \$9.4 ribu juta.

Dalam tahun 1983 Kerajaan telah membelanjakan wang sebanyak \$6.2 ribu juta sebagai upah dan gaji kakitangan Kerajaan. Sejumlah \$621 juta dibelanjakan untuk pembayaran pencen dan gratuiti. Jumlah semua bil yang harus dibayar oleh Kerajaan ialah \$13 ribu juta. 50% bil ini adalah peruntukan bagi membayar gaji pencen dan gratuiti kakitangan Kerajaan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pernah berkata bahawa dalam tahun 1981 hingga 1982, dengan izin, "for every extra ringgit in revenue obtained, approximately 59 cents went to pay salary increases".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Ketua Audit Negara, bagi setiap enam kakitangan Kerajaan, satu yang menerima pencen. Oleh itu, kira-kira 200,000 yang menerima wang pencen setakat ini mengikut kadar pembayaran pencen sekarang. Bil pencen ini dianggar naik kepada satu billion dalam tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan defisit yang besar dalam Belanjawan kita, saya bercadang kepada Kerajaan supaya mengkaji semula aspek penting ini memandangkan "life-span", dengan izin, seseorang akan berpanjangan dengan perkembangan yang pesat berlaku dalam sains kesihatan yang akan memberi kesihatan baik kepada rakyat. Saya bercadang supaya umur persaraan optional dinaikkan dari 50 tahun kepada 55 tahun dan umur persaraan "compulsory" dihadkan kepada 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini bukan satu perkara baru di sektor swasta. Ada ramai kakitangan sektor swasta yang masih bekerja selepas berumur 55 tahun. "Rationale" kepada cadangan ini adalah jelas. Dengan bertambahnya bilangan kakitangan dari tahun ke tahun besar kemungkinan bahawa dalam masa

yang akan datang penawaran buruh tidak akan bertambah secepatnya dibanding dengan penawaran buruh yang berpcen tiap-tiap tahun, seperti yang terdapat di separuh negara barat. Seperti di Australia, Kerajaan terpaksa mengurangkan wang pencen dan gratuiti oleh kerana terdapat keadaan di mana wang pencen dan gratuiti telah menjadi terlampau tinggi dan telah pun menjadi beban yang berat kepada Kerajaan. Jika keadaan ini tidak dikawal dengan lebih awal, ia akan menimbulkan keadaan di mana akhirnya sedikit sahaja orang yang bekerja untuk mencari wang supaya Kerajaan dapat menampung tanggungjawabnya kepada rakyat yang banyak berpcen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985 jumlah penawaran buruh yang dapat bekerja dianggarkan meningkat dengan kadar 3.1% dari 5.4 juta dalam tahun 1984 kepada 5.6 juta dalam tahun 1985. Penawaran buruh dianggarkan meningkat dari 5.7 juta dalam tahun 1984 kepada 5.9 juta dalam tahun 1985. Ini bermakna, bilangan yang menganggur akan bertambah daripada 355,000 dalam tahun 1984 kepada 371,000 dalam tahun 1985. Walaupun kadar gunatenaga dapat kita stabilkan ke paras purata 6.2% bagi tahun 1985 sama dengan tahun 1984 namun paras ini merupakan kadar ataupun paras yang amat tinggi. Dengan pertumbuhan ekonomi, yang dijangka bertumbuh pada kadar 6.7%, saya tidak tahu sama ada perkembangan ekonomi kita dalam jangka masa Belanjawan tahun 1985 ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan bagi menampung penganggur-penganggur kita. Memandangkan masalah wang pencen yang cepat meningkat, dan masalah kaum belia kita yang menganggur bertambah ini akan membebankan penawaran buruh ataupun "labour force" kita yang bekerja di mana jumlahnya akan menjadi lebih kecil dalam masa yang

akan datang jika keadaan yang telah saya sebutkan tadi akan menjadi kenyataan.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, cadangan CUEPACS kepada Kerajaan supaya umur persaraan "optional" dikurangkan dari 50 tahun kepada 45 tahun tidak dapat diterima atas sebab-sebab yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (OBA) pada tahun 1985 sebanyak \$1.5 ribu juta iaitu kepada \$5.7 ribu juta adalah sangat menyenangkan memandangkan perbelanjaan agensi-agensi ini telah meningkat dengan kadar yang tinggi dalam tempoh 1981-1984. Perbelanjaan OBA adalah salah satu sebab hutang negara telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus mengkaji semula aktiviti-aktiviti agensi-agensi ini termasuk projek-projek yang ada sekarang dan yang sedang dalam rancangan untuk menentukan projek-projek tersebut benar-benar memenuhi hasrat dan memberi keuntungan kepada Kerajaan dan negara.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya akaun agensi-agensi ini dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini untuk perhatian Dewan dan orang ramai sejajar dengan hasrat, dengan izin, greater public accountability dari pihak agensi-agensi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan, komitmennya kepada usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam konteks Dasar Ekonomi Baru sangat kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian telah lama ketinggalan

berbanding dengan sektor lain dalam tahun-tahun yang sudah lepas. Dalam tempoh Rancangan 1981-1983, kadar pertumbuhan ialah 4% berbanding dengan kadar pertumbuhan 6.2% bagi seluruh ekonomi negara. Dalam tahun 1983, kadar pertumbuhan pertanian ialah hanya 0.5%.

Pengeluaran beras telah menurun dari 1,358,300 tan dalam tahun 1979 kepada 1,169,000 tan dalam tahun 1983. Jumlah penangkapan ikan juga telah turun dalam masa yang sama oleh kerana kekurangan ikan (depletion of natural resources). Begitu juga pengeluaran sayur dan buah-buahan yang telah menurun oleh kerana kekurangan tenaga dan tanah untuk perkebunan. Akibat peristiwa ini ialah kekurangan pengeluaran makanan negara dan ini telah pun mendorong kita meningkatkan jumlah import makanan dari luar negeri. Keadaan ini tidak dapat dibiarkan dengan begitu sahaja memandangkan usaha mengeluarkan makanan yang cukup harus menjadi satu usaha ataupun prioriti penting negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di South Korea, dalam tahun-tahun semenjak 1962 di mana pelan pembangunan nasional (National Development Plan) pada pertama kalinya dilaksanakan, pertumbuhan ekonomi negara itu semenjak 1962 mempunyai talian yang rapat dengan industri perkilangan. Mula-mula, keutamaan diberi kepada industri-industri yang berasaskan import (import substitution) dan kemudian pula kepada, dengan izin, export oriented industry di mana tumpuan diberi kepada industri ringan. Kemudian pula tumpuan diberi kepada industri yang berasas, dengan izin, capital and technology intensive. Tumpuan tidak diberi kepada sektor pertanian sehingga sektor pertanian diketepikan dan mengakibatkan kurangan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Negara

Kasar (KNK). Akibat keadaan ini ialah kenaikan defisit mengenai dengan bahan makanan negara itu. Peristiwa yang telah berlaku di Korea Selatan itu kita harus perhatian supaya rancangan pembangunan kita adalah harus diseimbangkan (balanced development plan).

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian bukan sahaja merupakan punca pendapatan utama bagi sebahagian besar penduduk-penduduk di luar bandar tetapi juga menjadi asas ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan dan pihak swasta harus memberi perhatian serta mengadakan peruntukan yang cukup kepada sektor pertanian supaya sektor ini dapat kita bangunkan semula untuk memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kita untuk mengeluarkan makanan yang secukupnya kepada rakyat adalah penting khususnya dalam masa darurat seperti masa peperangan. Jika ada peperangan atau negara lain tidak mahu menjual barang makanan kepada kita, ini akan merumitkan hidup rakyat dan akan membawa kepada kebuluran. Jika kita dapat mengeluarkan makanan yang mencukupi, kita tidak perlu bergantung kepada negara luar untuk makanan kita.

Juga self-sufficiency dari segi pengeluaran makanan akan mengukuhkan imbalan pembayaran kita di mana keuntungan yang kita dapati dari pengeksportan barang-barangan hasil daripada industri berat dapat kita simpan dan dilaburkan balik ke dalam ekonomi kita. Jika jumlah import makanan kita tinggi, ini bermakna segala keuntungan yang kita dapati dari penjualan hasil industri berat akan digunakan ataupun akan disalurkan dalam membeli makanan dari luar. Dengan ini kita akan kehilangan foreign exchange.

Jika ini berlaku, ini tidak akan memberi kesan yang baik kepada ekonomi kita. Oleh itu Kerajaan harus mengambil langkah supaya dalam masa 10 tahun yang akan datang, kita dapat dengan sendirinya menampung keperluan makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita yang pesat membangun dan trend kepada pengujudan satu, dengan izin, broadbased middle class society, adalah perlu bagi negara kita mengeluarkan makanan yang cukup supaya ianya dapat menjadi asas perkembangan industri pemerosesan makanan untuk menampung keperluan konsumer ataupun, dengan izin, consumer preferences, rakyat yang semakin hari semakin berubah dan sofisticated.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan taraf hidup serta pengaruh luar dalam tempoh masa 10 tahun yang lepas telah membawa kepada permintaan dari orang ramai mengenai berbagai makanan yang diproses dan ada juga tanda-tanda yang menunjukkan bahawa permintaan ini akan bertambah dalam masa yang akan datang.

Misalnya, permintaan bagi daging dan bahan-bahan dairi (dairy products) telah meningkat dengan pesatnya. Begitu juga dengan makanan lain yang diproses seperti minyak sayur-sayuran, mee, tepung, roti, snacks dan minuman ringan dan sebagainya. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, keutamaan harus diberi kepada usaha untuk mempertingkatkan daya pengeluaran makanan negara bagi menampung permintaan rakyat yang makin meningkat tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan subsidi pertanian yang disediakan setiap tahun kepada petani dan kaum nelayan kita. Soalan mengenai subsidi

ialah adakah subsidi tersebut digunakan dengan sebaik-baiknya sehingga daya pengeluaran petani ataupun kaum nelayan itu ditingkatkan?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya, subsidi ini telah berjaya memberi kesan yang marginal sahaja kepada petani. Ini disebabkan penggunaannya banyak kali tidak diberi bimbingan yang secukupnya oleh pegawai Kerajaan iaitu bimbingan dan nasihat bagaimana cara menggunakan subsidi tersebut dengan lebih berkesan. Apabila subsidi ini diberi kepada petani, dengan izin, "follow-up" selalunya tidak dibuat. Pengawasan pun jarang dibuat mengakibatkan subsidi berkenaan tidak digunakan dengan lebih ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk membantu petani-petani dan kaum nelayan dari segi pengetahuan dan bimbingan teknikal, peningkatan kemudahan yang sedia ada serta pembinaan kemudahan-kemudahan baru dan memperbaiki sistem memproses dan pemasaran keluaran-keluaran pertanian harus dipertingkatkan. Ini akan menjamin subsidi-subsidi yang diberi dari masa ke semasa kepada kaum petani dan kaum nelayan akan memberi sumbangan yang berkesan dalam usaha Kerajaan dan kita semua mempertingkatkan taraf kehidupan mereka. Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah sangat menggalakkan. Oleh itu, saya bercadang supaya pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menentukan subsidi berkenaan digunakan dengan berkesan berhenti menjadi, dengan izin, "dispenser of subsidies" dan menjadi pengurus kepada subsidi tersebut. Yang saya maksud di sini ialah konsep pegawai sebagai pengurus ialah pegawai tersebut harus menganggap dirinya sebagai seorang pengurus dan bukan sebagai seorang

pentadbir. Di samping menjadi seorang pentadbir harus juga menjadi seorang pengurus. Ia harus menjalankan tugasnya seperti pengurus supaya subsidi berkenaan digunakan dengan berkesan tanpa pembaziran.

Apabila petani ataupun nelayan telah faham cara mengurus subsidi ini selepas beberapa bimbingan teknikal diberi barulah tugas pengurusan diberi ataupun beralih kepada petani-petani ataupun nelayan. Pendekatan ataupun konsep ini memang akan memberi pertambahan kerja kepada pegawai yang berkenaan. Tetapi adakah kita mempunyai pilihan, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, pendekatan ini dan peningkatan, dengan izin, "extension services" akan memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada petani dan nelayan. Kerjasama yang rapat di antara pegawai dan petani adalah penting memandangkan kebanyakan kaum petani dan kaum nelayan belum menguasai teknik perusahan dan perniagaan. Oleh kerana itu bimbingan yang membangun harus diberi kepada petani dan nelayan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1985 memperuntukkan \$105 juta bagi tanaman semula getah untuk kebajikan pekebun-pekebun kecil. Malaysia dijangka terus merupakan pengeluar getah utama di dunia menghasilkan sebanyak 38% daripada jumlah pengeluaran getah asli di dunia pada tahun 1985. Getah merupakan satu sumber pendapatan negara yang penting. Berdasar kepada jangkaan terhadap pertambahan permintaan getah asli sedunia sebanyak 6 juta tan metrik pada tahun 2,000 saya bercadang kepada Kerajaan supaya RISDA, FELDA, FELCRA dan MARDEC memluaskan aktivitinya ke Sarawak dan memajukan kawasan tanah yang luas di Sarawak dengan menanam getah.

Saya juga merayu kepada pasukan petugas pakar-pakar mengenai industri getah asli 1983 ke 2000 dengan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan-kawasan di Sarawak yang boleh dimajukan dengan penanaman getah. Luas kawasan tanaman getah dalam tahun 1984 adalah sebanyak 2,010,700 hektar. Daripada jumlah ini 85% atau 1,700,000 hektar terdapat di Semenanjung Malaysia. Di Sabah dan Sarawak jumlah luas kawasan tanaman getah adalah sebanyak 311,000 hektar. Memandangkan kawasan Sabah dan Sarawak adalah lebih besar dari kawasan Semenanjung, potensi bagi industri getah adalah amat cerah di masa yang akan datang. Kemajuan kawasan di Sabah dan Sarawak akan menjamin kedudukan Malaysia sebagai pengeluaran getah utama akan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program pelajaran teknik dan vokasional pula sebanyak \$128 juta disediakan oleh Belanjawan Tahun 1985 ini untuk pembinaan 18 buah sekolah memanglah vokasional dan \$49 juta untuk pembinaan 5 buah politeknik. Negara kita masih mengalami masalah kekurangan buruh mahir. Kajian menunjukkan bahawa jawatan-jawatan seperti pemintal, pembelok besi, pemasang jentera, pemasang am, pembaik mesin, operator mesin, tukang kayu, tukang besi dan sebagainya tidak dapat dipenuhi oleh kerana ketidakcukupan tenaga buruh. Memandangkan betapa pentingnya peranan tenaga buruh mahir di dalam ekonomi kita tambah lagi negara kita yang membangun ke arah ekonomi perindustrian, Kerajaan harus memberi perhatian khusus kepada latihan dan pembangunan tenaga manusia. Kurikulum sekolah menengah vokasional dan politeknik kita harus diubahsuai untuk menyediakan dan melengkapkan belia kita menghadapi cabaran masa hadapan terutama dalam bidang perkilangan dan perindustrian berat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa pentingnya usaha untuk melatih dan membangunkan tenaga manusia, saya minta Kerajaan supaya satu dari antara tiga buah pusat latihan persendirian yang akan dibina oleh Kementerian Buruh ditempatkan di Sarawak supaya peluang dapat diberi kepada anak tempatan. Saya juga minta supaya satu daripada 5 buah politeknik baru dijangka ditubuhkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditempatkan di Sarawak, memandangkan comparative advantage yang terdapat jika ianya ditempatkan di sana, seperti kawasan tanah yang luas, bekalan api letrik yang agak murah dengan siapnya projek hydro dan sebagainya nanti kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Belanjawan 1985 kaedah percukaian mengenai kos carigali dijadikan lebih menarik dengan membenarkan kos ini dipotong daripada pendapatan syarikat apabila ianya dibelanjakan. Langkah ini akan menggalakkan lebih banyak lagi kegiatan carigali dijalankan untuk mendapat punca-punca baru perlombongan. Saya minta supaya cadangan ini juga diperluaskan kepada bidang pertanian seperti kegiatan mengenai dengan ladang (plantation) atau estet. Bagi menggalakkan syarikat ladang terbesar di negara ini mencari peluang membuka ladang baru di seluruh negara. Kerajaan harus membenarkan kos feasibility studies yang dibelanjakan itu dipotong daripada pendapatan syarikat kelak. Banyak syarikat ladang terbesar di negara ini enggan membelanjakan wang mereka untuk menjalankan feasibility studies berkaitan dengan pembukaan ladang untuk tanaman bahan utama baru, oleh kerana di bawah kaedah percukaian yang ada sekarang kos ini tidak dikecualikan. Memandangkan Dasar Pertanian Negara yang berhasrat untuk meningkatkan

lagi daya pengeluaran bahan utama kita dan berasaskan sektor pertanian merupakan asas ekonomi negara adalah wajar bagi Kerajaan membenarkan kos feasibility studies ini dipotong daripada pendapatan syarikat kelak, ini akan memberi insentif kepada syarikat-syarikat kita untuk mencari banyak lagi peluang pelaburan di bidang ladang (estate) terbesar. Tidak semestinya, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu feasibility studies yang dijalankan itu akan menentukan dengan jelasnya projek itu akan memberi keuntungan jika dijalankan. Sebelum sesebuah syarikat melabur atau membuka ladang besar, katalah, menanam ubi kentang dan sebagainya, beberapa feasibility studies harus dijalankan dahulu sebelum satu keputusan muktamad dibuat sama ada meneruskan ataupun tidak projek itu. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini harus dipertimbangkan bagi membangunkan sektor pertanian kita sejajar dengan priority ataupun dasar Kerajaan yang menjadikan sektor pertanian merupakan asas ekonomi negara.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai.

5.55 *ptg.*

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan ini pada 19hb Oktober yang lalu yang berstrategikan bagi mengukuhkan imbalan pembayaran, bagi mengukuhkan kedudukan perbelanjaan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan serta menggalakkan pertumbuhan sektor swasta adalah merupakan satu

kesederhanaan dan rasa penuh tanggungjawab pihak Kerajaan ke arah menjamin kekokohan kewangan negara, di samping berharapan untuk mencapai pertumbuhan sebenar ekonomi negara seperti yang dijangka serta bagi dapat memulihkan seterusnya ekonomi negara kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan sekarang.

Sungguhpun ada kalangan yang tidak merasai puas atas faedah dan kesan daripada Belanjawan yang dibentangkan kerana ini adalah feel biasa manusia yang tidak pernah puas tetapi tidak siapa dapat menafikan bahawa setiap rakyat di negeri ini adalah akan menikmati dan menerima faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada manfaat Belanjawan tersebut. Sebenarnya, bahawa setiap kalangan haruslah menyedari bahawa usahlah hanya mengharapkan untuk menikmati kemudahan yang mewah hasil daripada pemberian Kerajaan menerusi Belanjawan negara sematamata tetapi haruslah pula bertanya diri sendiri, apakah yang boleh diusaha dan apakah pula sumbangan diri kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa imbalan kewangan negara kita telah mengalami kesulitan sejak tahun 1980, akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan yang menjadikan imbalan pembayaran negara semakin merusut, maka adalah wajar dan menasabah bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang berkesan ke arah mengukuhkan imbalan bayaran negara yang dialami sekarang. Malahan langkah tersebut bukan sahaja untuk jangka pendek tetapi haruslah merupakan langkah jangka panjangnya juga. Saya menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan ke arah mempertingkatkan bidang pengaliran

masuk pertukaran luar ke negara ini, baik dari segi pelaburan, pelancongan, perdagangan dua hala dan lain-lain usaha sebagainya. Dan beberapa dasar baru yang diumumkan termasuklah dasar baru kepada kontraktor asing yang akan beroperasi di Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah sebenarnya kesedaran yang harus dibetulkan segera sebelum ianya terlambat.

Sebelum ini Dasar Pandang Ke Timur telah memberi kepada orang asing lebih daripada apa yang diharapkan oleh kita sendiri. Malahan telah tidak mencerminkan kehendak-kehendak kepentingan Dasar Ekonomi Baru, kehendak-kehendak perdagangan timbal balik serta tidak mewujudkan hasrat usahasama yang kekal dan berterusan. Bukan itu sahaja malahan juga kita telah dipaksa dengan kehendak mereka yang tidak menguntungkan langsung kepentingan negara ini pada keseluruhannya. Jangankan lain, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan beras yang hendak dimakan oleh pekerja-pekerja asing itu adalah dikehendaki beras yang lazim dimakan oleh mereka. Beras Malaysia kononnya tidak sesuai dan ini saya difahamkan bahawa pihak LPN dikehendaki membeli beras "earl rose" daripada Australia untuk kehendak mereka. Ini baharu satu contoh yang boleh diberikan dan banyak lagi hal-hal yang tidak payah dinyatakan satu persatu di sini dan memadailah contoh sedemikian diberikannya sebagai satu perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh atas matlamat di sebalik Belanjawan negara yang dikemukakan, walaupun kata setengah orang sebagai Belanjawan menguntungkan yang kaya daripada yang miskin, tetapi sebenarnya adalah Belanjawan yang memberi faedah yang kurang berkemampuan, di

samping memelihara yang ada untuk terus bekerja kuat dan memajukan sektor swasta bagi melimpahkan lebihannya untuk cukai bagi perbelanjaan Kerajaan ke arah meningkatkan lagi kalangan tidak berada serta memberi lebih banyak peluang kepada pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, adalah pasti akan menghadapi berbagai-bagai masalah berhubung dengan dunia luar, baik dari segi kesan kemelesetan ekonomi dunia atau lainnya yang sedia mencabar. Oleh itu dengan sikap bijak dan lebih menyedari masa depan dengan menyediakan program dan strategi yang berkesan, adalah merupakan faktor penting ke arah masa depan negara yang lebih cerah.

Dari itu saya amat kesal bila terdapat sekumpulan orang yang membuat penilaian yang cetek dan terbatas bagi menimbulkan suasana kurang yakin orang ramai terhadap Kerajaan yang lahir dari hanya untuk mengeruhkan air dan cuba menanggung di air yang keruh. Sikap saya tidak sebagai pengampu, tetapi sebagai manusia yang diberi akal dan fikiran adalah masih boleh menilai yang lebih baik dari yang baik dan yang baik daripada yang tidak baik. Dari itu tidak guna menggunakan masa bagi membazir dan lebih baik menggunakannya bagi kepentingan yang lebih berfaedah kepada diri dan negara seluruhnya dengan memikirkan apakah sumbangan diri yang boleh diberi kepada negara, dan bukan hanya membuat bising apa yang akan didapati daripada negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi negara yang sedang dalam pemulihan sekarang, maka adalah wajar pihak Kerajaan memastikan semua program dan dasar pelaksanaannya agar benar-benar berkesan dan

memberi makna bagi faedah rakyat dan negara sepenuhnya dan hendaklah sedapat-dapatnya mengelakkan daripada berlakunya pemborosan dan apa lagi kepada pembaziran. Jika ini tidak terkawal, maka adalah pasti beban dan tanggungan negara terutama di segi hutangnya akan bertambah berat.

Dari tinjauan dan pengetahuan pengalaman saya, bahawa di dalam perbelanjaan pembangunan di negara ini sedang terdapat kebocoran dan pembaziran yang timbul daripada pelaksanaan kurang cekap dan beramanah serta timbulnya juga dari wujudnya penyelewengan yang tidak langsung di dalam pelaksanaannya. Keadaan ini bukan sahaja membawa kesan yang merugikan tetapi merosakkan juga matlamat dan hasrat membangun serta memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Keadaannya lebih ketara di dalam perbelanjaan OBA (Off-Budget Agencies) di mana terdapat banyak perbelanjaan yang tidak terkawal telah berlaku dan telah membawa beberapa kerugian akibat daripada tidak berhati-hati, tidak cekap, tidak beramanah dan penyelewengan telah berlaku yang bukan sahaja rugi dan membazir tetapi telah menggagalkan sama sekali harapan Kerajaan dan manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengalu-alukan di atas usaha dan langkah berjimat-cermat Kerajaan ke arah mengukuhkan kedudukan kewangan dan negara seluruhnya. Tetapi saya amat berharap agar di dalam penjimatan Kerajaan tidak sampai menjejaskan kepentingan perbelanjaan bagi pembangunan atau mempertingkatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat miskin, khususnya di kawasan luar bandar.

Sebenarnya, kita semua harus menyedari bahawa kemiskinan di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan di luar bandar bukan berkurangan, tetapi semakin bertambah walaupun pendapatan puratanya meningkat. Menurut kenyataan data menunjukkan bahawa pada tahun 1980 kemiskinan di kalangan para petani dan nelayan sebanyak 45.7% dan pada tahun 1983 telah meningkat menjadi 54.9%. Walaupun pada kadar mana penilaian dibuat, sama ada sebagai mutlak atau tidak, yang jelas bahawa pendapatan mereka adalah rendah daripada paras kemiskinan yang digariskan. Dari itu hal ini tidaklah boleh dipandang ringan dan apa yang perlu ialah haruslah terus diberi perhatian langsung dan malahan dipertingkatkan lagi peruntukan serta program-program pelaksanaan bagi pembangunan ke arah mengurang dan menyelesaikan keadaan tersebut dengan sedaya upayanya dan dengan secepat mungkin.

Apa yang meragukan saya ialah kadang-kadang pembangunan yang dilaksanakan di bandar sebagai telah indah diperindah, sudah memadai diperlembih dan sudah sempurna dipersempurnakan, sedangkan untuk pembangunan kesejahteraan di luar bandar yang hanya untuk memberi api, air yang bersih dan sedikit manfaat yang lain, peruntukan telah dipotong dan kononnya tidak mencukupi wang daripada perbelanjaan negara.

Saya sebenarnya tidak berniat serong kepada pembangunan di bandar berbanding dengan apa yang harus diberikan sedikit pertambahan kepada pembangunan-pembangunan di luar bandar, tetapi saya amat insaf bahawa tiap-tiap seorang para petani, saya contohkan di kawasan MADA di Kedah, telah berjaya mengeluarkan dan menyara makanan, maksud saya beras, kepada kira-kira 130 orang

rakyat Malaysia oleh tiap-tiap seorang petani daripada MADA. Kerana hasil usaha petani MADA telah dapat membekal kira-kira 54% berat untuk keperluan negara yang terdiri daripada 15.279 juta rakyat berbanding dengan petani-petani MADA yang terdiri daripada 63,000 keluarga petani.

Ini sebagai satu contoh yang kecil dan demikian juga sumbangan petani-petani di seluruh negara serta nelayan-nelayan di seluruh persisiran pantai negara kita. Mungkin ada orang berkata bahawa kemudahan mereka mengeluarkan hasil adalah kerana adanya kemudahan perbelanjaan bagi prasarana yang wujud dibelanjakan berjuta-juta ringgit sebelum ini, tetapi sebenarnya perbelanjaan ini telah dipulangkan dengan berjayanya petani-petani dan nelayan-nelayan menghasilkan pengeluaran untuk negara dan telah menyelamatkan pertukaran wang asing yang berjuta-juta ringgit yang lebih banyak kerana tidak payah lagi kita membeli keperluan daripada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Kerajaan ke arah menggalakkan pertumbuhan sektor swasta di negara ini adalah suatu yang menggembirakan kerana dengan lebih giatnya usaha-usaha sedemikian akan dapat mengurangkan beban perasaan dan mewujudkan lebih banyak penyertaan rakyat di dalam menyumbangkan peranannya kepada negara. Apa yang menjadi harapan saya ialah supaya dasar pengswastaan ini biarlah benar-benar bermakna kepada matlamat penyertaan dan penglibatan rakyat bagi faedah rakyat dan negara sendiri dan bukan pengswastaan pada nama sedangkan mengenyahkan kepentingan rakyat. Penglibatan rakyat sepenuhnya di dalam matlamat pengswastaan adalah suatu harapan bagi menjamin pembahagian manfaat negara yang

adil dan saksama terutama kepada mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Dengan yang demikian haruslah dijadikan panduan bahawa setiap hasrat pengswastaan dilaksanakan, dengan memberi peluang yang lebih luas kepada penyertaan sama oleh rakyat dan pekerja-pekerja di bidang yang berkenaan di sesuatu projek ataupun perancangan bagi diswastakan itu; agar dengan demikian bukan sahaja wujud penglibatan tetapi wujud juga hakmilik dan rasa tanggungjawab sebagai yang empunya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita begitu ghairah dan bersungguh-sungguh merancang dan berusaha serta melaksanakan berbagai-bagai program ke arah pembangunan dan kebahagiaan rakyat dan negara, terutama kepada menyempurnakan hasrat dan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang berharapan dapat memberi pengimbangan dan keadilan manfaat di antara semua peringkat rakyat dan kaum di negara ini, nampaknya kita dapati ada pihak-pihak yang boleh disifatkan sebagai anti-nasional atau lebih tepatnya sebagai pengkhianat telah mengambil peluang dan kesempatan di mana sahaja yang terluang untuk mengeksploitasi dan membawa berbagai taktik dan helah bagi merosak, menghancurkan dan memusnahkan sama sekali segala yang menjadi harapan untuk dicapai.

Tidak siapa boleh menafikan bahawa penyebaran cerita mengatakan matawang Malaysia akan jatuh atau diturunkan, membesarkan cerita untuk menakutkan dunia luar terhadap pelaburan ke dalam negeri Malaysia. Skandal BMF yang bertujuan untuk menjatuhkan BBMB dan PNB serta ASN adalah jelas dilakukan oleh orang-orang yang menjadi anasir anti-nasional ataupun sebagai pengkhianat kepada DEB dan

bertujuan menjatuhkan Kerajaan serta menghancurkan negara seluruhnya.

Bagi saya segala usaha untuk membangun dan menjayakan segala harapan adalah lebih sukar daripada untuk memusnahkannya atau dengan lain perkataan bahawa menghancurkan sesuatu adalah lebih mudah daripada membinanya. Maka dengan itu bagi saya tidak ada maaf bagimu dan jika yang boleh dimaafkan sekalipun adalah amat sukar untuk dilupakannya.

Oleh yang demikian dan kerana kepentingan rakyat dan negara seluruhnya, saya menyeru pihak Kerajaan supaya mengambil tindakan yang segera dan paling tegas dan berkesan bagi membentasi dan menghukum mereka yang terbukti kesalahannya dari segi undang-undang di dalam bidang-bidang yang telah dimainkan sebagai apa yang dikatakan anti-nasional atau tegasnya pengkhianatan kepada rakyat dan negara seluruhnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong penuh Belanjawan 1985 yang dibentang dan diperbahaskan ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

6.12 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyampaikan sedikit sebanyak pandangan saya berhubung dengan Anggaran Belanjawan 1985 dan hal-hal yang mengenai dengannya. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menyampaikan ucapan sulungnya iaitu Ucapan Belanjawan

yang bolehlah kita katakan satu ucapan yang ringkas tetapi padat. Ucapan yang menggambarkan satu Anggaran Belanjawan yang praktikal atau sebagai satu Anggaran Belanjawan yang menuju kepada proses kekukuhan strategi kewangan negara. Beliau sendiri telah mengemukakan satu strategi Belanjawan 1985 yang boleh kita anggap sebagai sari daripada objektif strategi kewangan negara itu sendiri. Bagi saya, strategi Belanjawan itu adalah satu strategi yang sederhana yang boleh dilaksanakan dan insya Allah akan mencapai matlamatnya dengan baik. Tiga strategi itu ialah:

- (1) mengukuhkan imbalan pembayaran;
- (2) mengukuhkan kedudukan Belanjawan Sektor Awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kesetabilan kewangan;
- (3) menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyusun satu anggaran yang bertulis untuk mengukuhkan imbalan pembayaran negara, bukanlah satu perkara yang amat sulit, tidaklah sesulit dan sepayah melaksanakannya. Tetapi walau bagaimanapun saya percaya hal ini dapat dilaksanakan dengan baik apabila hasrat melaksanakannya dibuat dengan kesedaran dan kejujuran dan jentera perlaksanaannya berjalan secara seimbang dan harmoni tidak hanya semata-mata berpandu kepada kurang belanja atau langkah berjimat sahaja. Ianya mestilah merangkumi seluruh persoalan di mana pengurusan pentadbiran berjalan lancar dan pembangunan tidak terhalang. Satu dasar pengawalannya dan semangat perlaksanaannya yang sedemikian rupa sehingga perimbangannya dapat diwujudkan dengan baik.

Mengenai perbelanjaan yang tidak ketara seperti yang pernah digambarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah yang positif untuk membetulkan keadaannya. Dua perkara penting dalam mengatasi masalah ini perlu disegerakan. Pertama, mengenai insuran di mana langkah-langkah untuk mengemaskinikannya supaya peranan yang lebih berkesan dapat diambil, apa lagi dengan wujudnya nanti Syarikat Takaful Islam yang saya percaya akan diberi peranan yang utama berkenaan dengan insuransi terhadap eksport barangan dan sebagainya. Kedua, ialah mengenai peranan Syarikat-syarikat Perkapalan Malaysia, seperti yang pernah diutarakan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pada pandangan saya inilah dua faktor yang utama yang banyak menyedut jumlah perbelanjaan negara yang tidak ketara itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, iaitu strategi ketiga dalam strategi Belanjawan 1985, Kerajaan haruslah mengambil kira sama langkah-langkah mengawal pembelian peralatan industri termasuk jentera-jentera dan barangan yang bersangkutan dari luar negeri supaya penggunaan wang simpanan luar negeri dapat dikawal dengan baik. Kesemua hal ini yang disebut tadi ada pertalian antara prestasi imbalan pembayaran dengan kemantapan kewangan Kerajaan Persekutuan dan pertumbuhan sektor swasta pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa langkah berjimat cermat atau langkah mengurangkan perbelanjaan Kerajaan yang telah bermula dalam tahun 1982, telah membawa kedudukan kewangan negara kepada keadaan yang lebih

baik. Umpamanya perkara KNK dariada jumlah belanja sektor awam selama dua tahun sehingga 1984 ini dapat dikurangkan sebanyak 5.8%. Ini satu prestasi yang menggalakkan. Kalau kadar yang seumpama ini dapat dipertahankan, sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun ke hadapan, saya percaya gambar Anggaran Belanjawan Negara pada tahun 1987 dapat memberi angka tunjuk yang lebih mengembirakan. Dalam pada itu kita berharap walaupun apa cara dan langkah Kerajaan untuk berjimat atau mengurangkan belanja sama ada belanja pengurusan ataupun belanja pembangunan tidak akan menimbulkan sebarang kesulitan atau kesusahan kepada rakyat, atau dalam kata-kata yang lain hendaklah dielakkan seberapa yang boleh sebarang kesulitan atau kesusahan yang harus menimpa rakyat hasil dari langkah jimat cermat itu.

Tuan Yang di-Pertua, hak rakyat untuk mendapat penghidupan yang lebih baik hendaklah dijamin. Dalam dunia yang keperluannya makin bertambah dan perlumbaan hidup mendapatkannya makin bertambah pula, maka apa sahaja cara dan langkah strategi mestilah disusun supaya rakyat memperoleh hak itu yakni mendapat peluang kehidupan yang lebih baik dan seimbang untuk survival masa depan mereka. Apatah lagi proses menuju matlamat penambahan kependudukan sebanyak 70 juta berjalan baik dan daya pendorongnya pun nampaknya juga baik.

Walau bagaimanapun dalam banyak hal, Kerajaan perlu juga mengkaji semula beberapa perkara yang nampaknya mempunyai hubungan dan dihubungkan dengan matlamat tersebut. Umpamanya kadar perlepasan cukai bagi anak-anak. Jelas kelihatan langkah ini begitu progresif sekali dengan bertukar strukturnya, kadarnya yang tirus di hujung kepada

tirus di pangkal. Anak kelima misalnya, dahulu pelepasan cukai \$400 sekarang ditukar menjadi \$800 dan anak pertama dahulunya \$800 bertukar menjadi \$600. Maka jadilah jumlah pelepasan bagi mereka yang mempunyai lima orang anak dahulunya \$3,000 sekarang kadar baru naik kepada \$3,800.

Kita tidak hendak bercakap tentang penambahan dari \$3,000 kepada \$3,800. Apa yang kita mahu cakap ialah tentang anak lima orang. Apakah kadar 5 orang anak ini sudah pun dianggap kadar yang menasabah untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk? Pada hal kadar ini sudah pun lama berjalan dan tidak pun bersangkutan matlamat 70 juta.

Jadi, soalan kita, Tuan Yang di-Pertua, adakah kadar 5 orang anak ini sudah dianggap memadai? Umat Islam sendiri pun diharuskan ramai anak, dan Nabi kita Mohamad s.a.w. bermegah diakhirat kelak dengan banyak umatnya.

Maka alangkah baiknya jika kadar pelepasan cukai ditingkatkan kepada beberapa orang anak lagi. Katalah sampai kepada had tiga suku dozen atau jika hendak mengambil angka genap kita pakai sahaja angka 10 orang anak. Dengan kadar pelepasan cukai yang tirus di hujungnyanya semula maka jadilah keseluruhan kadar itu tirus di pangkal, gemuk di tengah dan tirus pula di hujung.

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat saranan ini dengan perasaan yang sedar dan cukup serius dan saya harap sekurang-kurangnya dapat menjadi bahan kajian Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyusun Belanjawan 1986 kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah terbit daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai cukai terhadap minuman keras dan rokok.

Nampaknya Yang Berhormat Menteri sedar betapa perlunya cukai dinaikkan lagi tetapi mengikut Yang Berhormat Menteri bahawa cukai yang ada sekarang sudah tinggi maka tidaklah dia bercadang hendak menaikkan lagi.

Agak terperanjat juga saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya-tanya adakah cukai terhadap minuman keras ini semata-mata cukai untuk mencari wang atau ada sebab-sebab yang lain disebaliknya. Pada saat kita berusaha untuk menjaga nilai kesihatan rakyat dan mempertingkatkannyanya lagi nilai-nilai akhlak dan moral masyarakat maka terlalulah dhaif sangat soal minuman keras dan rokok dipertalikan semata-mata dengan nilai wang dan ekonomi terutamanya minuman keras atau arak yang kesan negatifnya begitu teruk. Ianya merosakkan masyarakat dan akibat buruknya tidak kurang dari dadah, lebih-lebih lagi di sisi Islam ianya haram mutlak. Oleh yang demikian, pohonlah saya kepada Yang Berhormat Menteri agar memandang berat terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengecualian royalti kepada pengarang dan penterjemah nampaknya telah mendapat perhatian luas dari kalangan masyarakat kita. Pada amnya mereka telah lama merasa bahawa pengecualian \$3,000 untuk hasil karya dan seni terlalu kecil dengan nilai fidup yang ada sekarang. Jumlah pengecualian itu patutlah dinaikkan lagi bukan sekali ganda bahkan ada yang mengharapkan dinaikkan kepada empat kali ganda atau \$12,000. Ini melihatkan royalti \$6,000 hanya cukup untuk royalti sebuah buku sahaja.

Mengenai pengecualian royalti buku-buku terjemahan pula, ini satu perkara baru yakni baru dikemukakan oleh Kerajaan sedangkan bagi penulis dan penterjemahnya hal ini sudah lama disungutkan. Tetapi malangnya pengecualian hanya diberikan \$3,000

sahaja dan dihadkan bagi terjemahan yang dibuat atas permintaan Kementerian Pelajaran dan dari Jabatan Peguam Negara sahaja, seolah-olahnya kepentingan buku-buku terjemahan itu semata-mata untuk Kerajaan sahaja sedangkan hasil karya dan seni itu tidak ada batasnya. Jadi dipandang pada keseluruhannya mengenai masalah ini nampaklah tidak ada seimbang dan tidak harmonisnya seperti "gendang tidak seiring dengan tarinya."

Oleh yang demikian, adalah diharapkan supaya Yang Berhormat Menteri menimbang semula kadar pelepasan cukai agar karya terjemahan dimasukkan sama dalam kategori karya dan seni dan jumlah pengecualiannya dinaikkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya rasa mustahak untuk diutarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, ialah langkah Kementerian Pelajaran untuk menjadikan pelajaran Agama Islam sebagai mata pelajaran wajib dan tulisan jawi sebagai tulisan kepada mata pelajaran itu. Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah mengambil daya utama dalam langkah ini. Langkah ini adalah salah satu langkah membongkar kembali simpanan harta karun yang hampir-hampir tertimbus di telan masa. Pada masa yang lalu entah apa sebabnya, entah kerana silau terhadap yang baru maka yang lama pun diketepikan sehingga akhbar yang satu-satunya menggunakan tulisan jawi iaitu *Utusan Melayu* sudah hampir kembang-kempis, sekulasinya menurun, berkurang sedikit demi sedikit. Jumlah lembarannya pun tidak berapa kecuali orang yang biasa dengan tulisan jawi sahajalah yang menjadi pelanggan dan peminatnya, itu pun tidak ramai jumlahnya. Demikianlah

sejarah tulisan jawi itu sendiri seperti anak yatim yang tidak pernah mendapat kasih sayang pada hal emak dan bapanya masih ada hidup dan segar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang dengan pengisytiharan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran itu kita macam disiram air ketika panas yang terlalu amat.

Ketua, Tuan Yang di-Pertua, iaitulah perkara ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-bangsa Bersatu. Tidak lengkap rasanya ucapan saya ini jika tidak sekalung bunga dihadiahkan kepada beliau atas ucapannya yang bernilai dan bersejarah itu. Sekurangnya dunia telah disentakkan sebentar oleh gema ucapan beliau yang tepat dan berterus terang itu.

Beliau telah mempertahankan konsep dan prinsip Islam terutamanya mengenai zaman kebangkitan Islam dan apa yang disebut fundamentalis Islam, suatu ucapan yang mengajak manusia untuk berfikir dan memandang Islam bukan sebagai musuh tetapi sebagai rakan untuk keamanan dan keselamatan dunia.

Di samping itu beliau telah menyatakan perasaan tidak puas hati sebahagian besar negara membangun terhadap tindak-tanduk dan telatah negara-negara maju yang cuba berlagak pahlawan mengeneipkan Bangsa-bangsa Bersatu dengan membentuk badan-badan lain bagi menyelesaikan masalah dunia mengikut selera masing-masing.

Pendeknya, Tuan Yang di-Pertua, beliau telah berjaya mengemukakan satu imej baru bukan sahaja imej Malaysia tetapi juga imej kebangkitan Islam dan kepimpinannya. Saya bagi pihak parti saya sendiri HAMIM (Hizbul Muslimin) mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri atas ucapannya di Bangsa-bangsa Bersatu yang bersejarah itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti saya HAMIM juga saya ingin menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru yang telah mengemukakan Belanjawan 1985 dan kepada bekas Menteri Kewangan pihak parti saya menyampaikan penghargaan dan terima kasih atas khidmat yang telah dilakukannya pada masa-masa yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

6.30 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap di Dewan ini bagi menyokong Belanjawan Negara bagi tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Timbalan Yang di-Pertua yang baru sebentar tadi dipilih dengan rasminya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh bercakap selalulah.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di dalam memberi sokongan penuh kepada Belanjawan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengemukakan Belanjawan Negara yang pada keseluruhannya telah mendapat sambutan yang hangat dan begitu menggalakkan dari segenap lapisan masyarakat di negara kita.

Belanjawan Negara kali ini seperti juga yang telah disuarakan oleh sahabat-sahabat saya yang lain ternyata akan membawa matlamat yang utama untuk mengatasi masalah imbangan bayaran dan mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Di dalam Belanjawan Negara bagi tahun 1985 ini telah diperuntukkan sebanyak \$29,191 juta kepada Perbelanjaan Negara iaitu 74% daripadanya untuk Perbelanjaan Mengurus iaitu sebanyak \$21,538 juta dan sebanyak \$7,653 juta ataupun 26% untuk Perbelanjaan Pembangunan. Apa yang sangat membanggakan dan yang harus dipuji dari Belanjawan ini ialah keadaannya ternyata begitu memuaskan realistik, positif dan ia akan membantu meringankan beban rakyat khususnya kepada rakyat yang berpendapatan rendah, di samping dengan menurunkan kadar cukai pendapatan akan menguntungkan juga mereka yang berpendapatan tinggi. Ini adalah niat begitu jujur dari pihak Kerajaan dengan menurunkan cukai bagi mereka yang berpendapatan tinggi dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menyertai penswastan yang dicadangkan oleh Kerajaan kita. Jadi tuduhan daripada pihak Pembangkang mengatakan ini adalah satu penekanan kepada rakyat yang miskin adalah sangat tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu penekanan yang dimasukkan dalam Belanjawan ini ialah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Ini adalah sesuai dengan kehendak-kehendak dalam dasar Ekonomi Baru.

Apabila disebut perkataan kemiskinan, maka akan terbayanglah kepada kita sebilangan besar orang-orang kampung, orang-orang yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Dan

terbayanglah pula kepada kita anak-anak petani, anak-anak nelayan yang serba kekurangan menghayun langkah ke sekolah untuk mencari ilmu pengetahuan. Keadaan hidup mereka yang terus dalam kemiskinan ini sudah tentulah pencapaian ilmu pengetahuan pelajar-pelajar ataupun anak-anak orang-orang miskin ini tidak akan dicapai sepertimana yang dicapai oleh anak-anak yang datangnya dari keluarga yang sederhana dan juga dari keluarga yang mewah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Laporan Ekonomi 1984/1985 ada menyebutkan kadar kemiskinan dalam negara kita iaitu 30.3% dalam tahun 1983 dijangka akan menurun kepada 24.1% dalam tahun 1985.

Pada pendapat saya angka kemiskinan ini adalah lebih besar dari itu di dalam negara kita, terutamanya di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan. Para-para penanam padi ataupun petani-petani ini adalah merupakan nadi kepada penghidupan umat manusia khususnya di dalam negara kita. Mereka memainkan peranan yang penting dalam mengeluarkan bahan makanan iaitu beras yang menjadi makanan utama kepada penduduk negara ini. Kebanyakan penanam-penanam padi adalah terdiri dari orang-orang Melayu yang terdapat di negeri Kedah, Perak, Selangor, Perlis, Terengganu, Kelantan dan sedikit-sedikit di negeri yang lain. Walaupun Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk meninggikan taraf hidup mereka, tetapi sejumlah besar dari mereka masih dalam lingkungan tahap kemiskinan. Dalam tahun 1984 peratus kemiskinan di kalangan mereka adalah kira-kira 55.3%, ini merupakan satu angka yang cukup besar.

Kerajaan menyediakan berbagai-bagai langkah dan kemudahan-kemudahan bagi meninggikan hasil

persawahan petani-petani ini. Misalnya kemudahan parit dan taliair, benih subsidi, baja subsidi, skim pemasaran yang teratur melalui LPN dan juga kemudahan-kemudahan pinjaman daripada Bank Pertanian. Walaupun begitu beberapa faktor yang menyebabkan petani yang masih hidup menderita perlu mendapat perhatian yang berat daripada Kerajaan. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani yang mengekalkan kehidupan ataupun taraf hidup mereka di dalam lingkungan kemiskinan ini antaranya ialah saiz ataupun ukuran sawah yang dimiliki oleh petani-petani ini tidak ekonomik.

Yang keduanya penyediaan parit dan taliair yang tidak sempurna kerana perancangan yang lemah ataupun perancangan yang kurang berhati-hati misalnya saya berikan contoh di kawasan saya sendiri terdapat taliair ataupun pengairannya yang lebih rendah daripada permukaan sawah. Oleh yang demikian air yang disedut daripada sungai tidak dapat melimpah ke kawasan-kawasan sawah, maka terjadilah kawasan-kawasan tanah yang tidak dapat diusahakan.

Yang ketiganya sawah kerap dilanda banjir akibat daripada ramalan kaji cuaca yang selalu tidak tepat.

Yang keempat kekurangan pam-pam air bagi projek sawah yang baru dibuka. Selain daripada itu ialah serangan-serangan daripada serangga perosak dan penyakit-penyakit merah yang baru-baru ini menyerang di kawasan saya sehingga menyebabkan ada petani-petani yang langsung tidak dapat hasil padi sepanjang tahun. Kesemua faktor-faktor yang saya sebutkan ini dapat diatasi sama ada mengambil masa ataupun dapat diatasi dengan mudah kalau semangat dan usaha-usaha yang tinggi ada pada pegawai-pegawai yang ditugaskan

ataupun yang diamanahkan oleh rakyat. Khidmat cemerlang yang telah dilafazkan beberapa tahun yang lalu sudah mula dilupakan. Konsep bersih, cekap dan amanah sudah mula ditinggalkan, sifat-sifat yang lemah, cuai sudah menjadi amalan biasa kepada beberapa orang pegawai-pegawai Kerajaan khususnya dalam Jabatan Pertanian yang bertugas di kawasan-kawasan luar bandar, tetapi ini bukanlah bermakna kesemua pegawai-pegawai yang bersikap demikian.

Saya selalu berdampingan dengan pegawai-pegawai Kerajaan di kawasan saya dan saya memang kenal dan menyanjung pegawai-pegawai yang memberikan khidmat yang cemerlang, memberikan bantuan yang bersungguh-sungguh kepada rakyat. Pegawai yang dedikasi dan bersemangat untuk membantu rakyat dan bersungguh-sungguh untuk menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan, tetapi bilangan yang kecil dalam kumpulan yang besar itu kalau dibiarkan akan menjejaskan khidmat-khidmat pegawai-pegawai yang lain, kerana pepatah Melayu ada mengatakan "Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga".

Tuan Yang di-Pertua, saya berani menyebutkan ini kerana di kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan, khususnya di Jabatan Pertanian di tempat saya sendiri terdapat mereka yang menentang dasar Kerajaan, mencaci Kerajaan siang-malam dan menghasut petani-petani yang menyokong Kerajaan supaya benci kepada Kerajaan. Pegawai-pegawai Pertanian yang saya maksudkan ini ada beberapa orang terdapat di kawasan saya. Jadi, bagaimanakah rancangan Kerajaan akan berjaya, bagaimanakah rancangan-rancangan ini akan dapat meninggikan taraf hidup petani-petani sedangkan tugas yang mereka laksanakan sudah bercanggah dengan dasar Kerajaan. Tugas yang

sepatutnya mereka laksanakan bercanggah dengan ideologi politiknya. Adalah mustahil ia akan dapat menjalankan tugasnya yang telah diamanahkan oleh Kerajaan sedangkan ia amat benci kepada Kerajaan yang telah diberikan amanah kepadanya.

Jadi, saya juga mengucapkan tahniah dan menyanjung tinggi Pegawai-pegawai Kerajaan yang bersungguh-sungguh melaksanakan rancangan Kerajaan dan bertimbangrasa kepada rakyat walaupun mereka tidak menyertai mana-mana parti politik, sama ada Barisan Nasional ataupun parti-parti lain, tetapi sokongan kepada menjayakan dasar-dasar Kerajaan itulah yang penting.

Maka di sini saya berharap kepada pihak Kementerian, kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya mengambil tindakan segera dengan apa cara yang difikirkan berpatutan terhadap mereka yang terlibat kerana tindakan mereka sangat merbahaya untuk menggagalkan dasar Kerajaan atau perancangan-perancangan Kerajaan dan yang akan menjadi mangsa ialah rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengawasan yang teliti dan dengan bersungguh-sungguhnya Pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas dalam bidang pertanian, maka sudah tentulah program-program dan juga rancangan yang telah diaturkan oleh Kerajaan akan dapat terlaksana dan dengan cara inilah sahaja faktor-faktor yang melemahkan petani-petani, yang menurunkan taraf hidup petani-petani yang saya sebutkan tadi akan dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Satu lagi mata pencarian hidup kebanyakan penduduk-penduduk negara ini yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman ataupun di luar bandar ialah menoreh getah, iaitu satu pencarian hidup yang menyebabkan

mereka terus miskin. Saya menyatakan ini oleh kerana pendapatan penoreh-penoreh getah di kampung adalah antara \$5 hingga \$10 sehari yang kemudiannya dibahagi dua dengan tuan-tuan punya tanah. Dengan pendapatan yang begitu rendah sudah tentulah tidak akan mampu bagi mereka menyara hidup keluarga dan memberikan layanan yang sempurna kepada persekolahan anak-anak mereka.

Mengikut Laporan Ekonomi 1984/85 ada menyatakan bahawa hasil keluaran getah negara ialah 65.6% daripadanya adalah dari pekebun-pekebun kecil, yang bermakna dari penoreh-penoreh getah di kampung-kampung. Maka di sini ternyata sumbangan dari pekebun-pekebun kecil getah kepada pendapatan negara begitu besar sekali, oleh yang demikian sudah sepatutnya pihak Kerajaan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh mengenai nasib mereka ini.

Kita sedar bahawa Kerajaan menyediakan banyak agensi-agensi Kerajaan bagi membantu dan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil tersebut, misalnya dengan mewujudkan RISDA yang diamanahkan bagi kemajuan pekebun-pekebun kecil perusahaan getah, begitu juga RRI yang bertugas menyasat dan mengkaji bagi meninggikan keluaran dan mutu getah asli. Tetapi kita tidak dapat mendengar ataupun kita jarang-jarang sekali mendengar agensi-agensi Kerajaan ini memperjuangkan nasib pekebun-pekebun getah dengan mencari jalan untuk meninggikan harga getah ke peringkat yang paling tinggi sesuai dengan peningkatan taraf hidup yang berlipat kali ganda pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ingat dan yang pernah saya dengar semenjak Perang Dunia Kedua

sehinggalah negara mencapai kemerdekaan dan berlanjutan hingga ke dekad 80an, harga getahlah yang paling rendah ataupun harga getahlah antara harga barang yang paling lembab bergerak untuk meningkat ke atas kalau dibandingkan dengan sumber-sumber lain, termasuk kalau dibandingkan dengan harga barang-barang makanan. Pada tahun 1952 misalnya ketika Perang Korea, ketika itu adalah merupakan kemuncak kenaikan harga getah, iaitu melebihi \$2 sekati, selepas itu harga getah terus turun hingga di bawah \$1 sekati dan berkekalan keadaan tersebut sehinggalah ke hari ini. Kalau kita bandingkan dengan harga sumber-sumber lain, sama ada bahan mentah atau barang makanan, keadaannya terus naik dan tidak turun-turun, misalnya saya beri contoh, gula. Kalau dahulu harga gula 20 sen sekati, sekarang meningkat melebihi \$1 sekati, 5 kali ganda. Ikan terubuk, makanan orang kampung zaman dahulu yang harganya yang ketika itu harganya \$1 boleh dibeli 4 ekor, tetapi sekarang harga ikan terubuk \$4 satu ekor, berbeza kalau dahulu \$1 boleh beli 4 ekor, sekarang \$4 hanya dapat dibeli seekor. Begitulah meningkatnya harga-harga barang, tetapi harga getah tetap ditahap yang rendah.

Jadi, kalaulah ketika zaman sebelum inflasi melanda negara kita, penoreh-penoreh getah yang dapat \$4-\$5 sehari mereka masih boleh hidup kerana ketika itu harga barang rendah, tetapi apabila inflasi melanda dan terus berkekalan, harga getah tetap setakat harga yang lama sedangkan harga barang untuk keperluan hidup meningkat begitu tinggi.

Saya timbulkan masalah ini oleh kerana rakyat umumnya tahu bahawa bahan getah ataupun sumber getah asli negara kita adalah merupakan satu bahan yang begitu penting di dalam penghidupan umat manusia seluruh

dunia, bergerak sahaja kita ke mana-mana maka kita bersama-sama dengan getah. Bilangan kenderaan yang bertambah berlipat ganda, penggunaan tayar sudah tentu mengikuti perkembangan kenderaan yang banyak tadi. Begitulah juga banyak lagi contoh-contoh barangan-barangan lain yang menggunakan bahan daripada getah, tetapi mengapakah harga getah terus rendah sedangkan harga tayar yang dahulunya boleh dibeli di bawah \$50, sekarang ini meningkat sehingga melebihi \$200, ikut saiz.

Maka di sini saya menyeru kepada pihak Kerajaan melalui agensi-agensi yang telah diamanahkan, RISDA, RRI atau lain-lain badan yang bertanggungjawab memikirkan masalah ini dengan membawa masalah ini ke peringkat yang lebih tinggi, misalnya kepada Pertubuhan Getah Antarabangsa sekiranya kita ingin terus mengeksport ataupun menggunakan getah asli sebagai bahan yang menjadi mata pencarian hidup rakyat kita di luar bandar ataupun bolehlah difikirkan sumber negara kita yang tersebut, getah yang satu ketika dahulu merupakan hasil utama negara diproses di negara kita sendiri, tak perlu dieksport. Dan apabila kita membeli ataupun membawa kenderaan-kenderaan daripada luar negeri masuk ke negeri ini kita gunakan tayar kita sendiri. Maka dengan cara ini sudah tentulah kita sendiri dapat menilai ataupun meletakkan harga yang berpatutan kepada getah asli yang merupakan hasil utama negara kita dan juga merupakan pencarian hidup utama rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah pembangunan di kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya sendiri iaitu Kawasan Parlimen Parit. Pada keseluruhannya kawasan saya terletak di pinggir Sungai Perak mengalir

ataupun merangkumi kiri kanan sungai tersebut. Jadi dari semenjak negara mencapai kemerdekaan berbagai-bagai pembangunan dan kemajuan telah dilaksanakan. Kemudahan-kemudahan asas telah dibekalkan sehinggakan perasaan pendalaman yang dirasakan oleh penduduk-penduduk di zaman penjajahan dan di awal-awal zaman kemerdekaan telah banyak berubah. Taraf hidup masyarakat pun sedikit sebanyak meningkat dan maju, walaupun peratus kemiskinan terus menghimpit hidup mereka kerana rata-rata penghidupan rakyat bergantung kepada dua perkara yang saya sebutkan tadi iaitu sawah padi dan juga ladang getah ataupun pekebun kecil. Inilah yang mendorong saya menimbulkan dua masalah ini dalam Dewan yang mulia ini.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan dan perubahan yang telah banyak dibuat di kawasan saya tetapi masih lagi beberapa buah kampung yang belum mendapat ataupun belum merasai bekalan-bekalan ataupun kemudahan-kemudahan asas yang telah dinikmati oleh sebahagian besar rakyat yang lain.

Kemudahan jalan sama ada jalan dalam bentuk luar bandar ataupun jalan-jalan kampung masih terdapat kampung-kampung yang belum diberikan ataupun disediakan jalan tersebut. Begitu juga terdapat beberapa buah kampung yang belum lagi menikmati api elektrik dan juga kemudahan air paip. Walaupun menyediakan bekalan elektrik dan bekalan air, terpaksa penduduk-penduduk luar bandar menanggung perbelanjaan yang tinggi tetapi oleh kerana perasaan ingin merasa ataupun ingin sama nikmat dengan penduduk yang lain maka perkara ini selalulah ditimbulkan, selalulah disampaikan rayuan-rayuan dan amatlah sukar sekali bagi saya untuk menjawab

rayuan-rayuan daripada mereka bilakah bekalan ini akan dapat disampaikan kepada mereka. Kalau hendak janji tahun 1985, mungkin tahun 1985 tak dapat. Jadi tak berani hendak janji, tak berani hendak berikan ketentuan. Cuma di sinilah saya menyuarakan hasrat dan rayuan daripada penduduk-penduduk di kawasan tersebut semoga dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini di dalam tahun 1985 nanti.

Keseluruhan penduduk-penduduk di kampung tersebut adalah rakyat yang taat kepada Kerajaan dan sentiasa memberikan kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memerintah negara ini. Jadi kita patutlah menimbangakan akan perasaan sabar yang ada kepada penduduk-penduduk tersebut supaya kesabaran ini akan terus dapat dikekalkan supaya mereka juga akan dapat menikmati seperti yang dinikmati oleh penduduk-penduduk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan pembentangan Belanjawan 1985 juga oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya masih ragu-ragu sama ada Kerajaan mampu memenuhi kehendak-kehendak rakyat memandangkan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pembangunan negara dan Luar Bandar ini begitu kecil. Saya faham dan saya sendiri menyedari akan masalah yang dihadapi oleh negara tentang kesulitan kewangan. Di sini ingin saya memberikan sedikit gambaran ataupun menerangkan di sini akan peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini adakah boleh menyempurnakan permohonan-permohonan dan rayuan daripada rakyat, kerana peruntukan bagi kemudahan-kemudahan asas ini hanya \$193 juta bagi membina jalan luar bandar dan jalan kampung, \$76 juta

bagi bekalan air luar bandar dan \$71 juta untuk bekalan eletrik luar bandar. Maka saya menyerulah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini supaya cuba melaksanakan pembangunan ini dengan cermat, dengan adil dan menyeluruh kerana kalaupun tidak kesemua kawasan-kawasan yang disebutkan tadi dapat dibekali, akan adalah juga peruntukan yang diberikan kepada kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa cukup bangga dengan hasrat Kerajaan untuk terus menyediakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan pelajaran untuk melahirkan rakyat yang berdisiplin, rakyat yang terlatih dan rakyat yang terpelajar. Ini ternyata dengan peruntukan sebanyak \$41 juta bagi pembinaan 685 buah bilik darjah bagi program pelajaran rendah dan bagi program pelajaran menengah sebanyak \$128 juta disediakan iaitu untuk pembinaan 569 buah bilik darjah termasuk makmal-makmal dan lain-lain peralatan. Jadi, saya ingin menyentuh mengenai hal pelajaran ini kerana kita rasa sungguh bangga peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran sebanyak \$299 juta semata-mata disediakan untuk projek-projek pelajaran tinggi. Sesungguhnya perhatian yang begitu besar diberikan kepada memberi sebanyak-banyak pelajaran tinggi kepada anak-anak kita, bermakna anak-anak dari rakyat jelata, dari semua bangsa dan kaum akan berpeluang memasuki institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti-universiti sama ada di dalam dan di luar negeri.

Tetapi di sini saya ingin menyuarakan kepada pihak Kerajaan supaya memberikan pengawasan, pengurusan yang paling teliti supaya pelajar-pelajar yang sudah terpilih diawasi benar-benar sama ada mereka belajar ataupun mereka berpolitik. Kita mahu mereka mengisi dada

dengan ilmu dan melengkapkan diri dengan pengalaman dan janganlah dibiarkan pelajar-pelajar kita dihasut, dipengaruhi dan ditanamkan dengan perasaan putar belit sehingga timbul perasaan benci kepada Kerajaan yang telah membuat pelaburan yang begitu tinggi kepada bidang pelajaran. Mereka yang sedang mencari pengaruh politik dengan tujuan bagi memulihkan semula kelemahan mereka setelah ditolak oleh rakyat pada setiap kali pilihanraya menggunakan pelajar-pelajar kita untuk terus meneguhkan politiknya sedangkan pelajar-pelajar itu masih mentah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sebentar!

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Had masa supaya mesyuarat ditangguhkan telah tiba. Yang Berhormat boleh sambungkan ucapan pada hari Isnin.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sementara itu saya berterima kasih di atas ucapan tahniah Yang Berhormat.

Waktu sekarang pukul 7.00. Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin, 29hb Oktober, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.